Buletin بوليتين دارالنعيم MINGGUAN
DARULNAIM



Kelantan tegaskan pelaksanaan syariah dalam bidang kuasa negeri

ISSN 1311-6891 | JAMADILAWAL 1448H | 16-22 OKT 2026 URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PKD cerminan wakil rakyat, mutu perkhidmatan penentu keyakinan masyarakat – MB Kelantan

Kelangsungan MBI menuntut komitmen pemimpin dan rakyat – YB Mohd Asri

Enakmen syariah Kelantan berpotensi jadi rujukan negeri lain

Empat elemen al-Quran tunjang kelangsungan 36 tahun MBI - MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly



> “Saya yakin nikmat pentadbiran Membangun Bersama Islam yang telah kita kecapi selama 36 tahun ini bertitik tolak daripada kesabaran, kesiapsiagaan dan ketakwaan yang terus dipelihara oleh seluruh lapisan kepimpinan, pentadbiran dan rakyat,”

KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Empat elemen utama yang digariskan dalam Surah Ali Imran ayat 200 - bersabar, memperkukuh kesabaran, bersiap siaga (ribat) dan bertakwa kepada Allah SWT menjadi pegangan penting dalam memastikan kelangsungan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang kini memasuki tahun ke-36 pelaksanaannya di Kelantan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, keempat-empat elemen tersebut merupakan tuntutan kerohanian, bahkan menjadi landasan membina keteguhan kepimpinan, memperkukuh pentadbiran dan menghadapi cabaran pembangunan negeri.

Menurutnya, perintah bersabar yang disebut dua kali dalam ayat berkenaan membawa pengertian bahawa umat Islam bukan sahaja dituntut bersabar ketika melaksanakan ketaatan dan menghadapi kesukaran, malah perlu memperkukuh ketabahan apabila berdepan tentangan serta cabaran perjuangan.

“Empat elemen yang terkandung dalam ayat al-Quran yang saya bacakan pada awal ucapan tadi, iaitu bersabar, saling memperkuat kesabaran, bersiap siaga (ribat) dan bertakwa, merupakan perintah agung daripada Allah SWT yang wajib dijadikan pegangan oleh setiap mukmin dalam melaksanakan perintah dakwah dan jihad untuk meninggikan kalimah Allah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama sempena Majlis Sambutan Membangun Bersama Islam Kali Ke-36 di Dewan Tok Guru Dato’ Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dato’ Mohd Nassuruddin berkata, keteguhan menghadapi cabaran merupakan antara nilai perjuangan yang diwariskan oleh generasi kepimpinan terdahulu sehingga membolehkan dasar MBI terus dipertahankan sepanjang hampir empat dekad.

Katanya, pengalaman tersebut membuktikan bahawa kekuasaan dalam Islam bukan suatu keistimewaan untuk dibanggakan sebaliknya amanah besar yang menuntut keikhlasan, kesabaran dan tanggungjawab dalam melaksanakan pentadbiran berteraskan syariat.

Beliau turut mengimbau pesanan Allahyarham Tan Sri Dato’ Bentara Setia Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengumpamakan perjalanan perjuangan seperti merentas padang rumput tanpa perlu berhenti setiap kali kemuncup melekat pada pakaian.

Perumpamaan itu, menurut konteks amanat beliau, memperlihatkan kepentingan keteguhan pendirian dan tumpuan terhadap matlamat meskipun berhadapan pelbagai rintangan.

Menyentuh elemen ketiga, iaitu ribat (kesiapsiagaan) beliau menjelaskan bahawa seluruh jentera kerajaan dan lantikan politik perlu sentiasa bersedia melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan agenda memartabatkan syariat Islam diteruskan.

Beliau turut merujuk pandangan Syeikh Yusuf al-Qaradawi, khidmat kepada masyarakat dan usaha menghilangkan kemudaratan boleh termasuk dalam pengertian ribat kerana membawa kemaslahatan umum kepada umat Islam.

Sehubungan dengan itu, beliau menekankan kesungguhan penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat perlu dilihat sebagai sebahagian daripada amanah yang mempunyai nilai ibadah apabila dilaksanakan dengan niat dan kaedah yang betul.

Sementara itu, elemen keempat, ketakwaan perlu menjadi asas yang mengimbangi segala usaha pembangunan fizikal, pengukuhan ekonomi dan kemajuan pentadbiran negeri.

Dato’ Mohd Nassuruddin mengingatkan penjawat awam serta seluruh lantikan politik supaya tidak mengabaikan hubungan dengan Allah SWT walaupun sibuk menguruskan pelbagai tanggungjawab pentadbiran dan kebajikan rakyat.

“Dalam kesibukan menguruskan hal ehwal rakyat, janganlah sesekali kita mengabaikan atau mengurangkan tanggungjawab kepada Allah SWT. Ketakwaan kepada Allah hendaklah sentiasa diperkukuh kerana di situlah terletaknya intipati Membangun Bersama Islam,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau mahu penghayatan dasar MBI diperluas kepada seluruh lapisan masyarakat dan tidak hanya tertumpu kepada warga pentadbiran serta penggerak lantikan politik.

Menurutnya, pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, Budaya Komuniti Rabbani dan program Mukim Rabbani merupakan antara pendekatan kerajaan negeri untuk memperkukuh kefahaman serta penghayatan Islam hingga ke peringkat akar umbi.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa pemantauan berkala perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti sebarang kelemahan atau kelompangan supaya setiap inisiatif benar-benar mencapai matlamat dan memberikan manfaat kepada rakyat.

Beliau turut menyeru seluruh jentera pentadbiran supaya menggandakan usaha demi memastikan kesinambungan MBI bukan sekadar diperingati melalui sambutan tahunan, bahkan diterjemahkan melalui tindakan dan pencapaian yang memberikan makna kepada kehidupan masyarakat.

“Saya yakin nikmat pentadbiran Membangun Bersama Islam yang telah kita kecapi selama 36 tahun ini bertitik tolak daripada kesabaran, kesiapsiagaan dan ketakwaan yang terus dipelihara oleh seluruh lapisan kepimpinan, pentadbiran dan rakyat,” ujarnya.

KEMAKMURAN

PKD cerminan wakil rakyat, mutu perkhidmatan penentu keyakinan masyarakat – MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly





KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (PKD) perlu terus diperkasakan sebagai institusi perkhidmatan yang mesra rakyat, cekap dan responsif terhadap keperluan masyarakat kerana mutu pengurusannya turut mencerminkan keberkesanan peranan wakil rakyat serta pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, setiap PKD perlu memastikan urusan rakyat diberikan perhatian sewajarnya melalui sistem pengurusan yang teratur, penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan pendekatan yang mudah didekati masyarakat.

Menurutnya, pengenalan Standard Pengurusan dan Pentadbiran PKD pada tahun 2024 merupakan antara langkah kerajaan negeri untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Setiap PKD hendaklah menjadi tempat yang mudah didekati, mesra rakyat dan responsif. Sebagaimana yang pernah saya tegaskan, PKD ialah cerminan kepada wakil rakyat. Mutu perkhidmatannya turut membentuk keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama sempena Majlis Sambutan Membangun Bersama Islam Kali Ke-36 di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Dato' Mohd Nassuruddin berkata, pelaksanaan standard pengurusan tersebut bertujuan memastikan setiap PKD mempunyai panduan kerja yang lebih sistematik bagi mempertingkat kecekapan pentadbiran serta memenuhi keperluan rakyat secara berkesan.

Katanya, usaha berkenaan turut diberikan pengiktirafan menerusi Anugerah Pusat Khidmat DUN Terbaik yang diterima oleh PKD Temangan, PKD Pasir Pekan, PKD Pantai Irama, PKD Meranti dan PKD Kelaboran sempena sambutan tersebut.

"Penganugerahan tersebut amat bermakna kerana sejak Standard Pengurusan dan Pentadbiran PKD diperkenalkan pada tahun 2024, saya menaruh harapan agar inisiatif ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan, memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan serta memastikan setiap urusan rakyat diberikan perhatian dengan sebaik-baiknya," jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada warga PKD atas kesungguhan menterjemahkan garis panduan pengurusan kepada amalan kerja yang lebih teratur, cekap dan berkesan.

Menurutnya, pengiktirafan tersebut memperlihatkan kepentingan usaha penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi.

Beliau berharap usaha memperkukuh pengurusan PKD dapat diteruskan secara konsisten bagi memastikan aspirasi MBI kekal relevan dan memberikan manfaat kepada rakyat selepas 36 tahun pelaksanaannya.

Kelantan tegaskan pelaksanaan syariah dalam bidang kuasa negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim



KOTA BHARU, 19 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan usaha melaksanakan perundangan syariah negeri itu tertumpu dalam lingkungan bidang kuasanya, selaras dengan kerangka perlembagaan dan perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerajaan negeri memahami batas kuasa yang ditetapkan dan tidak berniat melaksanakan enakmen berkenaan di luar Kelantan atau merentasi sempadan negeri.

"Kita bukannya mahu melaksanakan perundangan ini di luar Kelantan atau merentasi sempadan, kita mahu melaksanakannya di dalam negeri Kelantan sahaja," katanya ketika merasmikan Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Menurutnya, enakmen berkenaan ditujukan kepada orang Islam yang melakukan kesalahan di bawah peruntukannya dan tidak terpakai kepada orang bukan Islam.

Beliau berkata, kerajaan negeri memahami pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam sistem federalisme yang diamalkan di Malaysia.

Sehubungan itu, usaha penggubalan perundangan syariah perlu dilaksanakan melalui penelitian terhadap bidang kuasa negeri serta prinsip perlembagaan bagi memastikan peruntukan yang dibentuk berada dalam kerangka undang-undang negara.

"Kami ingin tegaskan bahawa kami sedikit pun tidak berniat untuk mencabar Perlembagaan," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa usaha memperkukuh perundangan syariah melibatkan penelitian dan tafsiran perlembagaan bagi mencari kaedah yang bersesuaian untuk memastikan undang-undang negeri dapat dilaksanakan mengikut punca kuasa yang ditetapkan.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan mengambil cabaran perundangan yang dihadapi sebagai peluang untuk memperbaiki pendekatan penggubalan serta memperkukuh institusi yang terlibat.

Dalam hal itu, beliau menegaskan bahawa pembangunan sumber manusia, pendidikan dan penguasaan ilmu perundangan perlu bergerak seiring dengan pematuhan prinsip syarak serta perlembagaan.

Beliau berharap usaha berterusan tersebut dapat membantu Kelantan memperkukuh pelaksanaan perundangan syariah dalam lingkungan bidang kuasanya, di samping memastikan setiap langkah yang diambil berlandaskan kerangka perundangan negara.

KEMAKMURAN

Persidangan Syariah Kelantan himpunkan pakar, teliti penambahbaikan perundangan negeri – YB Mohd Asri

Oleh: Syamimi Manah



> Saya menaruh harapan agar persidangan ini menjadi satu medan ilmuwan yang berkesan memperkukuh persefahaman antara institusi, serta menghasilkan manfaat yang berkekalan kepada pembangunan perundangan Syariah di negeri Kelantan dan di Malaysia amnya,"

KOTA BHARU, 19 Oktober – Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M menjadi platform menghimpunkan ilmuwan dan pengamal undang-undang bagi meneliti cabaran serta mengenal pasti pendekatan untuk menambah baik sistem perundangan Syariah di negeri ini.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, persidangan berkenaan bertujuan memperkukuh kefahaman terhadap kedudukan institusi diraja, perkembangan perundangan Syariah dan bidang kuasa perundangan negeri dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, pertemuan pakar daripada pelbagai bidang itu penting bagi menyatukan kepakaran, memperluas pertukaran pandangan serta menghasilkan cadangan yang dapat menyumbang kepada penambahbaikan perundangan Syariah.

"Kita mahu setiap perbincangan yang berlangsung ini dapat membuka ruang penelitian yang lebih luas, mempertemukan pelbagai sudut pandangan, serta menghasilkan buah fikiran yang bernas dan membina," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M yang bertemakan Memperkasa Kedaulatan Syariah Melalui Institusi Diraja dan Perundangan Negeri di sebuah hotel, di sini, hari ini.

YB Mohd Asri memaklumkan, persidangan itu mempunyai tiga matlamat utama, iaitu memperkukuh kefahaman mengenai kedudukan institusi diraja dan bidang kuasa perundangan negeri, menyediakan platform perbincangan ilmiah serta profesional dan menghasilkan kertas cadangan serta resolusi untuk penambahbaikan perundangan Syariah.

"Usaha besar ini menuntut kesepaduan pemikiran, ketelitian perundangan, kekuatan institusi, serta kerjasama erat antara pihak yang menggubal, tafsir dan melaksanakan undang-undang," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa perundangan syariah tidak seharusnya dilihat hanya dari sudut peruntukan, kesalahan dan hukuman, sebaliknya perlu berteraskan prinsip keadilan, pemeliharaan agama, kesejahteraan hidup serta perlindungan hak dan maruah manusia.

Tambahnya, prinsip keadilan dan amanah perlu menjadi pedoman dalam pentadbiran serta pelaksanaan undang-undang bagi memastikan setiap usaha penambahbaikan memberikan manfaat kepada agama, negeri dan masyarakat.

"Dalam konteks ini kita harus menyedari bahawa perundangan Syariah bukan sahaja berkait dengan peruntukan, kesalahan dan hukuman semata-mata. Sebaliknya syariah mendukung prinsip keadilan, pemeliharaan agama, kesejahteraan kehidupan, kemaslahatan masyarakat serta perlindungan terhadap hak dan maruah manusia," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau juga menekankan institusi diraja mempunyai kedudukan penting dalam kesinambungan pentadbiran agama Islam di Kelantan, selaras dengan kedudukan Sultan Kelantan sebagai Ketua Agama Islam negeri.

Jelasnya, hubungan antara institusi pemerintahan, perkembangan agama Islam dan tradisi perundangan di negeri-negeri Melayu merupakan warisan yang perlu difahami, dihargai dan dipelihara.

"Hubungan ini bukan sekadar warisan sejarah yang perlu kita kenang semata-mata, bahkan merupakan suatu khazanah institusi yang wajar terus difahami, dihargai dan dipelihara," jelasnya.

Persidangan itu menampilkan lima slot utama yang merangkumi pelbagai aspek sejarah, institusi dan perkembangan perundangan Syariah.

Slot berkenaan ialah Transformasi Perundangan Syariah Kelantan, Kesultanan Melayu Benteng Kedaulatan Undang-Undang Syariah, Kompetensi Dewan Undangan Negeri: Cabaran dan Hala Tuju, Memperkasa Institusi Kehakiman Syariah Negeri serta Wacana Intelektual Penggubalan Semula Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019.

YB Mohd Asri berkata, gabungan kelima-lima slot itu diharap dapat memberikan perspektif menyeluruh mengenai sejarah, kedudukan institusi, perkembangan sistem perundangan, bidang kuasa negeri, kewibawaan institusi kehakiman dan proses penggubalan undang-undang.

"Saya menaruh harapan agar persidangan ini menjadi satu medan ilmuwan yang berkesan memperkukuh persefahaman antara institusi, serta menghasilkan manfaat yang berkekalan kepada pembangunan perundangan Syariah di negeri Kelantan dan di Malaysia amnya," ujarnya.

Persidangan itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama Bahagian Undang-Undang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.





KESEJAHTERAAN

Persidangan Syariah Kelantan desak Pindaan Akta 355 Perlembagaan Persekutuan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 19 Oktober – Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M mengemukakan 10 resolusi utama termasuk mendesak Kerajaan Persekutuan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) bagi memperkukuh bidang kuasa perundangan syariah di negara ini.

Resolusi berkenaan turut menuntut Kerajaan Persekutuan mendedahkan laporan akhir Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Negeri (DUN) untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang ditubuhkan bagi meneliti kompetensi serta had bidang kuasa DUN dalam penggubalan undang-undang Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, antara ketetapan utama persidangan adalah mendesak Kerajaan Persekutuan mengemukakan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memelihara dan memperkukuh sempadan bidang kuasa negeri dalam perundangan syariah serta pentadbiran agama Islam.

Menurutnya, cadangan tersebut turut bertujuan memperjelas dan memperkemas bidang kuasa Mahkamah Syariah selain mengelakkan pertindihan bidang kuasa serta campur tangan yang boleh menjejaskan kewibawaan institusi kehakiman syariah.

“Persidangan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya menyegerakan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] bagi meningkatkan had kuasa hukuman Mahkamah Syariah kepada hukuman yang lebih wajar selaras dengan perkembangan perundangan, keperluan semasa dan realiti masyarakat,” katanya ketika membacakan resolusi berkenaan.



> “Persidangan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya menyegerakan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] bagi meningkatkan had kuasa hukuman Mahkamah Syariah kepada hukuman yang lebih wajar selaras dengan perkembangan perundangan, keperluan semasa dan realiti masyarakat

Beliau membacakan Resolusi Persidangan Syariah dan Perundangan 2026 pada sesi penutup Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, YB Mohd Asri berkata, persidangan turut menetapkan supaya hubungan baik dan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta institusi Diraja terus diperkukuh bagi memelihara kedaulatan syariah, kedudukan agama Islam dan keadilan seluruh rakyat.

Katanya lagi, kerjasama tersebut perlu berteraskan prinsip Raja sebagai Ketua Agama Islam mengikut kedudukan masing-masing dalam kerangka perlembagaan bagi mencapai matlamat maqasid syariah.

Dalam aspek penggubalan undang-undang, persidangan menggesa supaya dasar penggubalan undang-undang syariah di seluruh negeri diperkemas bagi memastikan setiap peruntukan yang digubal selaras dengan punca kuasa yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Beliau memaklumkan, persidangan turut mengusulkan supaya garis panduan khusus penggubalan undang-undang syariah dirangka dengan mengambil kira prinsip Piagam Madinah sebagai model dalam pembangunan kerangka perundangan.

Selain itu, persidangan menetapkan supaya kajian terhadap kesesuaian penyeragaman undang-undang syariah di seluruh negeri dilaksanakan melalui model perundangan yang mengambil kira keperluan dan konteks setiap negeri tanpa menjejaskan kuasa badan perundangan negeri.

Dalam menghadapi cabaran perundangan semasa, persidangan turut menggariskan keperluan membangunkan pendekatan strategik yang menyeluruh dan bersepadu bagi mendepani litigasi terancang (strategic litigation) terhadap undang-undang negeri.

Menurut YB Mohd Asri, pendekatan tersebut merangkumi pengenalpastian awal risiko litigasi, penilaian komprehensif terhadap perundangan sedia ada, pemerkasaan penyelidikan dan analisis perundangan serta penyelarasan kepakaran antara agensi Kerajaan Negeri, ahli akademik dan pengamal undang-undang.

“Persidangan membuat ketetapan agar usaha memperkukuh pembangunan profesionalisme, kompetensi dan kepakaran pegawai dalam bidang penyelidikan dan penggubalan undang-undang, kehakiman, pendakwaan serta penguatkuasaan Syariah diteruskan selaras dengan perkembangan semasa dan kemunculan teknologi baharu serta kemajuan kecerdasan buatan,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa pembangunan kepakaran tersebut penting bagi memastikan institusi perundangan syariah mempunyai keupayaan menghadapi cabaran baharu termasuk perubahan teknologi yang semakin mempengaruhi sistem pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang.

Mengakhiri pembacaan resolusi, YB Mohd Asri berkata, persidangan turut menggesa seluruh umat Islam memberikan sokongan penuh terhadap usaha memartabatkan perundangan syariah serta mendukung institusi Diraja sebagai benteng agama Islam.





KEMAKMURAN

Transformasi perundangan syariah perlu ambil kira batas kuasa perlembagaan – YB Nik Bahrum

Oleh: Syamimi Manah





KOTA BHARU, 19 Oktober – Transformasi perundangan syariah di Kelantan perlu mengambil kira batas kuasa perlembagaan bagi memastikan setiap usaha penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dilaksanakan melalui saluran yang sah.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah berkata, transformasi perundangan tidak seharusnya tertumpu kepada pindaan enakmen atau penggubalan undang-undang baharu semata-mata, sebaliknya perlu dinilai berdasarkan kesahan kuasa, kebolehgunaan, keadilan dan keberkesanannya dalam menyelesaikan masalah masyarakat.

"Kita perlu menilai sama ada undang-undang tersebut mempunyai asas kuasa yang sah, boleh dilaksanakan, memberikan keadilan dan mampu menyelesaikan masalah masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama bertajuk Transformasi Perundangan Syariah Kelantan pada Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Persidangan bertemakan Memperkasa Kedaulatan Syariah Melalui Institusi Diraja dan Perundangan Negeri itu turut membincangkan sejarah perkembangan perundangan Islam di Kelantan, faktor transformasi serta cabaran dan hala tuju pada masa hadapan.

Mengulas sejarah perundangan Islam negeri, YB Nik Bahrum memaklumkan, perkembangan tersebut mempunyai akar yang panjang melalui tradisi pendidikan Islam, institusi pondok dan hubungan keilmuan dengan pusat pengajian Islam seperti Patani, Makkah, Madinah dan Mesir.

Bagaimanapun, perubahan struktur pemerintahan ketika era British serta pembahagian kuasa selepas kemerdekaan telah mempengaruhi ruang pelaksanaan undang-undang Islam.

"Persoalan ini sangat relevan kepada Kelantan yang mempunyai sejarah perundangan Islam yang panjang tetapi berhadapan dengan cabaran bidang kuasa negeri dalam kerangka perundangan tersebut," ujarnya.

Menurutnya, pembahagian kuasa perundangan antara Parlimen dengan Dewan Undangan Negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan menjadikan pemahaman terhadap bidang kuasa setiap institusi penting dalam usaha memperkasa perundangan Syariah.

Katanya lagi, persoalan mengenai pihak yang mempunyai kuasa menggubal undang-undang dan batas bidang kuasa Mahkamah Syariah perlu difahami bagi memastikan usaha memperkukuh perundangan Islam dilaksanakan mengikut kerangka perlembagaan.

Beliau turut menyentuh usaha kerajaan negeri memperluas pelaksanaan undang-undang Islam menerusi penggubalan Kanun Jenayah Syariah (II) pada 1993 yang berhadapan dengan persoalan bidang kuasa perlembagaan dan perundangan Persekutuan.

Dalam perkembangan berkaitan, YB Nik Bahrum berkata, transformasi perundangan Syariah juga perlu mengambil kira perubahan keperluan masyarakat, khususnya berkaitan urusan kekeluargaan Islam seperti nafkah anak, mutaah dan hak penjagaan anak.

"Undang-undang bukan sahaja menyatakan sesuatu hak, tetapi hak tersebut sebenarnya boleh dituntut dan dikuatkuasakan," jelasnya.

Beliau memberikan contoh perintah nafkah anak yang tidak dilaksanakan, sekali gus menimbulkan persoalan tentang sejauh mana hak yang diputuskan mahkamah dapat dinikmati oleh pihak yang berhak.

Menurutnya, penggubalan enakmen keluarga Islam Kelantan yang baharu pada 2025 merupakan antara usaha menyesuaikan undang-undang dengan keperluan semasa, termasuk berkaitan nafkah, mutaah dan tanggungjawab keluarga.

Selain itu, pembangunan institusi dan profesionalisme dalam sistem kehakiman turut menjadi faktor penting dalam transformasi perundangan Syariah.

Tegasnya, hakim, peguam syarie dan pegawai penguat kuasa perlu mempunyai kemahiran serta pemahaman yang baik terhadap undang-undang substantif, tatacara, keterangan dan batas kuasa masing-masing bagi memastikan proses perundangan dilaksanakan dengan teratur.

Tambahnya, transformasi perundangan Syariah perlu disokong proses penggubalan yang teratur, penelitian undang-undang yang mendalam serta kerjasama antara kepimpinan negeri, institusi agama, penasihat undang-undang dan Dewan Negeri.

Rakyat diseru dukung perundangan syariah dan Institusi Diraja



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Seluruh rakyat Kelantan diseru memberikan sokongan kepada usaha memartabatkan perundangan syariah serta mendukung Institusi Diraja dalam memelihara kedudukan agama Islam di negeri ini.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, sokongan masyarakat penting bagi membina kebersamaan dalam usaha memperkukuh perundangan syariah.

Menurutnya, penglibatan rakyat melengkapi usaha kerajaan dan pakar perundangan dalam memastikan kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Islam terus dipertingkatkan.

"Selain usaha agensi kerajaan, rakyat sebenarnya perlu memainkan peranan mereka dalam memberikan sokongan padu kepada perundangan syariah termasuk mendukung Institusi Diraja," katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan sokongan masyarakat terhadap rang undang-undang yang diluluskan supaya usaha berkaitan perundangan syariah mendapat perhatian dan kefahaman yang sewajarnya.

"Ini penting supaya apabila sesuatu rang undang-undang diluluskan, ia disokong sepenuhnya oleh rakyat dan tidak lagi diperselisihkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

YB Mohd Asri juga berharap kerjasama antara kerajaan negeri, pakar perundangan dan masyarakat dapat terus diperkukuh bagi memelihara kedudukan Islam serta menyokong usaha pemerkasaan perundangan syariah.

KESEJAHTERAAN

Kelangsungan MBI menuntut komitmen pemimpin dan rakyat – YB Mohd Asri

Oleh: Syamimi Manah





KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Kelangsungan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) di Kelantan menuntut komitmen bersama pemimpin dan rakyat bagi memastikan penghayatan Islam terus menjadi asas kehidupan masyarakat serta pentadbiran negeri.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, dasar MBI kekal sebagai asas pentadbiran kerajaan negeri, manakala pendekatan Merakyat Membangun Bersama Islam menjadi strategi bagi memastikan dasar itu dihayati dan dilaksanakan bersama oleh rakyat.

Menurutnya, strategi berkenaan meletakkan tanggungjawab pelaksanaan kepada kerajaan serta menuntut kesediaan rakyat untuk turut memainkan peranan dalam menjayakan dasar tersebut.

"Dasar sama, Membangun Bersama Islam. Cuma strateginya dan beberapa misi pelaksanaan serta visinya telah ditambah baik sesuai dengan pembaharuan pada era Menteri Besar sekarang.

"Jadi, strategi kepada dasar itu menjadi Merakyat Membangun Bersama Islam. Sebenarnya, merakyat supaya dasar ini bukan hak milik kerajaan sahaja, tetapi rakyat juga berasa bahawa dasar ini perlu dilaksanakan bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Slot Wacana 36 Tahun Membangun Bersama Islam bertajuk Kelangsungan Membangun Bersama Islam dan Kesiapsiagaan Pendukung Mendepani Masa Hadapan sempena Majlis Perasmian dan Amanat YAB Menteri Besar Kelantan sempena Sambutan Ulang Tahun ke-36 MBI Tahun 2026 di Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, usaha memastikan kelangsungan MBI turut memerlukan perhatian terhadap penghayatan Islam dalam institusi keluarga, khususnya pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, katanya, kerajaan negeri sedang melaksanakan kajian berkaitan pelaksanaan solat fardu di seluruh Kelantan bagi mengenal pasti keadaan mengikut jajahan serta membantu pihak berkaitan memahami tanggungjawab masing-masing dalam memartabatkan Islam.

"Saya sentiasa sebut supaya tidak ada dalam kalangan rakyat Kelantan seorang pun yang tidak solat. Pastikan semua sekali rakyat Kelantan ini solat, atau solat fardu.

"Kita buat kajian selama sepuluh bulan dan sekarang sudah hampir selesai. Bulan depan kita akan siapkan sepenuhnya, bersempena sambutan bulan solat pada Rejab," jelasnya.

Menurutnya, hasil kajian itu penting bagi memberikan gambaran kepada pihak berkaitan tentang pelaksanaan solat fardu di seluruh negeri, sekali gus membantu usaha meningkatkan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri berkata, peranan portfolio penerangan dan hubungan seranta turut menjadi antara elemen penting bagi memastikan kelangsungan MBI, khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan dasar, program dan pencapaian kerajaan negeri kepada rakyat, termasuk anak Kelantan yang menetap di luar negeri.

Katanya, usaha berkenaan dilaksanakan melalui program dan pertemuan bersama anak Kelantan di perantauan, termasuk di Sabah dan Sarawak, dengan penglibatan barisan Exco serta Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

"Kita bawakan Exco bersama dengan UPEN untuk memberikan taklimat kepada anak-anak Kelantan kita. Kita juga mahu mendengar pandangan dan idea daripada mereka.

"Besar peranan hubungan seranta portfolio ini untuk memastikan mereka juga menjadi pihak yang mempunyai sumbangan besar kepada kelangsungan MBI secara berterusan di negeri Kelantan," ujarnya.

Beliau berkata, penglibatan pemimpin, rakyat dan anak Kelantan di perantauan penting bagi memastikan dasar MBI terus dihayati serta dilaksanakan secara bersama demi kelangsungan pembangunan Islam di negeri ini.

Pengkuliah YIK bimbing masyarakat, bentuk pemikiran dan akhlak ummah







Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Para pengkuliah Yayasan Islam Kelantan (YIK) berperanan penting dalam membimbing masyarakat serta membentuk pemikiran, akhlak dan keperibadian umat Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata demikian dalam kenyataan di media sosialnya selepas menyempurnakan perasmian Himpunan Pengkuliah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Tahun 2026 di sebuah hotel di sini, Khamis lalu.

Menurutnya, tugas menyampaikan ilmu bukan sekadar menyampaikan fakta dan hukum, sebaliknya merupakan amanah besar yang memerlukan kebijaksanaan dalam membimbing masyarakat memahami serta menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

"Tugas menyampaikan ilmu bukan sekadar menyampaikan fakta dan hukum, bahkan merupakan satu amanah besar dalam membentuk pemikiran, akhlak dan keperibadian umat berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah," jelasnya.

Program anjuran Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) itu diharap menjadi medan untuk memperkukuh ukhuwah, menyelaraskan kefahaman serta memperkasakan peranan pengkuliah dalam menyampaikan dakwah yang berhikmah dan berkesan.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada IPTG selaku penganjur, pihak YIK serta seluruh pengkuliah atas komitmen dan kesungguhan dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

Usaha dan pengorbanan para pengkuliah dalam mendidik serta membimbing ummah terus diperkasakan dan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT, sekali gus menjadi saham akhirat yang berpanjangan," ujarnya.

KEBERKATAN

Kesiapsiagaan hadapi musim tengkujuh agenda penting Kerajaan Kelantan

Oleh: Asri Hamat





KOTA DARULNAIM, 20 Oktober - Kesiapsiagaan menghadapi musim tengkujuh terus menjadi agenda penting Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara ketika berdepan ancaman banjir.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud berkata, pengalaman menguruskan bencana banjir setiap tahun menuntut penyelarasan lebih menyeluruh, terutama membabitkan sistem amaran awal, keperluan logistik, Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta kecekapan penyampaian bantuan kepada mangsa.

Beliau turut menyambut baik komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memperkukuh peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan kerjasama rentas agensi dalam memastikan kesiapsiagaan menghadapi bencana dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Katanya, kesepaduan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting bagi memastikan setiap perancangan dapat diterjemahkan kepada tindakan berkesan di lapangan.

"Dalam pengurusan bencana, kita tidak boleh hanya bersedia ketika musibah tiba. Persiapan mesti mendahului ancaman, tindakan mesti mendahului kesulitan dan keselamatan rakyat mesti mengatasi segala pertimbangan," katanya di media sosial, pada Isnin.

Katanya lagi, Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memperkukuh kerjasama dengan semua pihak bagi memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Terdahulu, beliau menghadiri Mesyuarat Majlis Pengurusan Bencana Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi meneliti perkembangan semasa serta memperkukuh kesiapsiagaan negara menghadapi pelbagai ancaman bencana.

Katanya, antara perkara utama yang diberikan perhatian dalam mesyuarat itu ialah situasi jerebu yang semakin membimbangkan, khususnya kesannya terhadap kesihatan rakyat dan keselamatan murid di sekolah.

"Mesyuarat turut membincangkan langkah penambahbaikan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi memastikan aspek kesihatan dan kelangsungan pendidikan dapat diurus secara seimbang.

"Selain itu, persediaan menghadapi Monsun Timur Laut yang berpotensi membawa hujan lebat dan banjir turut menjadi tumpuan, selain jangkaan fenomena Super El Nino pada tahun hadapan," katanya.

Pelaksanaan syariah menuntut perjuangan - TMB Kelantan





Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa pelaksanaan syariah memerlukan perjuangan berterusan dan kesungguhan kepimpinan, bukan sekadar kesedaran serta kehadiran masyarakat dalam program berkaitan perundangan Islam.

Katanya, kesedaran masyarakat yang hadir dalam Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M merupakan perkembangan positif, namun perlu disusuli usaha nyata bagi merealisasikan pelaksanaan syariah.

Menurutnya, kehadiran hampir 3,000 peserta berbanding sasaran asal sekitar 2,000 orang menunjukkan kesedaran yang meluas, termasuk dalam kalangan peserta dari luar Kelantan, jabatan Persekutuan dan masyarakat bukan Islam.

"Tidak cukup sekadar kita sedar, berfikir, dan hadir dalam konvensyen atau program-program seperti ini, tetapi mesti ada penentangan/perjuangan yang seiring," katanya ketika merasmikan persidangan berkenaan di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Beliau menekan, pelaksanaan syariah perlu digerakkan secara berperingkat dengan mengambil kira kekangan bidang kuasa yang wujud dalam kerangka perundangan negara.

Sehubungan dengan itu, beliau mengingatkan bahawa usaha yang telah dibina perlu diperbaiki dan dilengkapkan melalui teguran membina, bukannya dirobohkan sehingga segala usaha terpaksa dimulakan semula.

"Namun dalam kejayaan ini, jika ada mana-mana kepincangan, silalah beri teguran. Tetapi jangan runtuhkan apa yang telah dibina," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kesungguhan kepimpinan dan kemahuan politik (political will) penting bagi memastikan usaha melaksanakan syariah dapat diteruskan meskipun berhadapan cabaran perundangan.

Mengambil contoh perumpamaan yang pernah digunakan oleh Allahyarham Tok Guru Nik Aziz, beliau menjelaskan bahawa usaha melaksanakan Islam boleh diibaratkan seperti pemanduan pada waktu malam yang hanya dapat melihat jalan sedikit demi sedikit melalui cahaya lampu kenderaan.

Menurutnya, pendekatan itu menggambarkan bahawa sesuatu usaha perlu dimulakan dan diteruskan secara berperingkat sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tegasnya, Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memberikan komitmen untuk memperkasakan institusi berkaitan melalui pembangunan sumber manusia, pendidikan, ilmu perundangan serta dasar penggubalan dan pelaksanaan yang mematuhi prinsip syarak dan perlembagaan.

KESEJAHTERAAN

Pendekatan Green, Clean dan Sustainable jadi teras Kelantan Eco Life – Dato' SUK Kelantan

Oleh: Syamimi Manah









KOTA DARULNAIM, 17 Oktober 2026 – Pendekatan Green, Clean dan Sustainable menjadi teras Program Kelantan Eco Life 2026 bagi membudayakan amalan kebersihan, memperluas penghijauan serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Hajj Tengku Feissal berkata, program berkenaan memberi penekanan kepada tiga komponen utama yang saling melengkapi dalam usaha memelihara alam sekitar.

"Program Kelantan Eco Life 2026 memberi penekanan pada tiga komponen utama, iaitu Green, Clean and Sustainable. Komponen Green memberi tumpuan pada penanaman pokok dan penghijauan, Clean pada gotong-royong dan kebersihan persekitaran, manakala Sustainable memberi penekanan pada kesedaran dan amalan kelestarian," katanya.

Menurutnya, pendekatan tersebut bukan sekadar bertujuan menceriakan persekitaran melalui aktiviti penanaman pokok dan gotong-royong, malah mahu membentuk kesedaran supaya amalan menjaga kebersihan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

"Melalui program ini, kita ingin membudayakan amalan menjaga kebersihan sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian. Janganlah kita hanya menjaga kebersihan apabila ada program, tetapi biarlah ia juga menjadi satu amalan dan tanggungjawab kita pada setiap masa," ujarnya.

Beliau berkata demikian sempena Program Kelantan Eco Life 2026 yang berlangsung di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau juga memaklumkan, peruntukan Pembiayaan Fiskal Ekologi (EFT) memberi ruang kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan aktiviti yang menyokong usaha perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti serta alam sekitar.

Sehubungan itu, usaha penanaman pokok dan penghijauan perlu diperluas ke seluruh jajahan dengan penglibatan jabatan kerajaan serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati masyarakat.

Tambahnya, pelaksanaan program berkenaan turut memberi perhatian kepada aktiviti gotong-royong dan penjagaan kebersihan persekitaran sebagai usaha menerapkan tanggungjawab bersama dalam memelihara alam sekitar.

Rakyat Kelantan diseru amalkan konsep 3R jaga kebersihan





Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Oktober-Rakyat Kelantan diseru mengamalkan konsep 3R iaitu Reduce (Kurangkan), Reuse (Guna Semula) dan Recycle (Kitar Semula) bagi memastikan kebersihan persekitaran sentiasa terpelihara.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, amalan Reduce merujuk kepada usaha mengurangkan penggunaan barangan yang boleh menghasilkan sampah.

Katanya, Reuse pula bermaksud menggunakan semula barangan yang masih boleh digunakan, termasuk botol air, beg kain dan bekas makanan. Manakala Recycle ialah proses mengitar semula barangan terpakai menjadi bahan atau produk baharu, antaranya kertas, tin aluminium dan botol.

"Asingkan sisa makanan daripada bahan kitar semula seperti plastik, kertas, kaca dan logam. Elakkan pembuangan sampah merata-rata, khususnya ke dalam longkang, sungai dan kawasan lapang," katanya di media sosial, pada Khamis lepas.

Menurutnya, kebersihan bukan sahaja mencerminkan imej sesebuah bandar, malah menjadi ukuran disiplin, akhlak dan keprihatinan masyarakat terhadap alam sekitar.

Jelasnya, dalam kerangka Dasar Membangun Bersama Islam, usaha menjaga kebersihan merupakan sebahagian daripada tuntutan agama serta tanggungjawab manusia sebagai khalifah dalam memelihara alam ciptaan Allah SWT.

"Kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Menjaga alam sekitar pula merupakan amanah yang akan dipersoalkan," katanya.

Mengulas mengenai agenda KelantanKu Bersih, YB Hilmi berkata, usaha berkenaan perlu bermula dalam diri setiap individu.

Katanya, secanggih mana sekalipun jentera yang dibekalkan dan sebaik mana sistem pengurusan yang diwujudkan, usaha menjaga kebersihan tidak akan berjaya tanpa perubahan sikap individu dalam masyarakat.

"Kita tidak boleh hanya bergantung kepada lori sampah dan pekerja pembersihan untuk memastikan Kelantan sentiasa bersih tanpa kerjasama dan sokongan daripada masyarakat," jelasnya.

Projek ekologi bukan sekadar landskap, penduduk perlu turut nikmati manfaat – Pegawai Kewangan Negeri

Oleh: Syamimi Manah





KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Pelaksanaan projek berasaskan ekologi oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memberi manfaat kepada penduduk setempat, bukan sekadar tertumpu kepada pembangunan landskap dan keindahan kawasan.

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin berkata, projek ekologi yang dilaksanakan kerajaan negeri perlu mempunyai kesan limpahan ekonomi (trickle-down effect) supaya masyarakat setempat turut memperoleh peluang daripada pembangunan kawasan masing-masing.

Menurutnya, pendekatan itu antara perkara yang diberi perhatian dalam pelaksanaan projek Ekonomi dan Kelestarian Alam Sekitar termasuk di kawasan Majlis Daerah Dabong yang menerima peruntukan hampir RM6 juta.

"Untuk makluman bersama, projek ini telah disalurkan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan kita buat projek. Contohnya, macam di Majlis Daerah Dabong, telah banyak yang disalurkan peruntukan, hampir dekat enam juta," katanya

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Kelantan Eco Life 2026 di Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Beliau juga menjelaskan, pembangunan di Dabong menunjukkan bagaimana projek berasaskan potensi kawasan boleh membuka ruang ekonomi kepada penduduk, khususnya melalui aktiviti pelancongan dan penyediaan penginapan kepada pengunjung.

Katanya lagi, perubahan itu dapat dilihat apabila penduduk setempat kini turut mengusahakan rumah inap desa berbanding sebelum ini apabila pilihan penginapan lebih terhad.

"Sekarang telah banyak rumah-rumah homestay yang dikendalikan oleh orang kampung," ujarnya

Sehubungan itu, beliau cadangan projek yang dikemukakan PBT dan jabatan mengambil kira manfaat kepada masyarakat, di samping memastikan aspek ekologi menjadi sebahagian daripada perancangan pembangunan.

Menurutnya, kawasan yang mempunyai potensi alam semula jadi boleh diteroka secara terancang bagi mewujudkan tarikan ekopelancongan baharu serta memberi peluang kepada penduduk untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi berkaitan.

Beliau turut berkongsi pengalaman membawa satu pasukan melawat Kampung Agong di Pulau Pinang bagi melihat bagaimana kawasan berasaskan tarikan desa dan pertanian dapat dibangunkan sebagai produk pelancongan yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

"Kalau kita tengok, kita bawa satu pasukan daripada satu kawasan untuk kita tengok di Kampung Agong di Pulau Pinang, mana kawasan-kawasan terpilih. Ada kawasan sawah padi, ada homestay dan penduduk kampung dapat manfaat dalam projek yang telah dilaksanakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan penjagaan alam sekitar perlu menjadi tanggungjawab bersama, termasuk dalam memastikan kawasan hijau dan pokok di Kompleks Kota Darulnaim terus dipelihara.

Tambahnya, kompleks berkenaan yang hampir berusia empat dekad memerlukan perhatian dari segi penyelenggaraan pokok, termasuk pemeriksaan oleh pakar bagi mengenal pasti pokok yang perlu diganti atau dipangkas demi keselamatan penjawat awam dan pengunjung.

Pinda Perkara 121(1A) perkukuh kuasa Mahkamah Syariah



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 20 Oktober -Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan perlu diberi perhatian serius bagi memperkukuh kedudukan Mahkamah Syariah, termasuk dalam aspek bidang kuasa dan kuasa kehakimannya.

Peguam bela dan Peguam cara Dr. Yusfarizal Yussoff berkata langkah itu antara perkara penting yang perlu dipertimbangkan susulan beberapa keputusan Mahkamah Syariah yang sering dicabar di Mahkamah Sivil.

Katanya, pindaan berkenaan perlu bagi memberikan bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah dalam perkara yang terbukti berada di bawah bidang kuasanya.

"Kalau sesuatu kes telah dibuktikan berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka Mahkamah Sivil tidak boleh kacau lagi."

Beliau berkata demikian dalam slot Wacana Intelektual sempena Persidangan Syariah dan Perundangan peringkat Negeri Kelantan di sebuah hotel, di sini, pada Isnin.

Menurutnya, Perkara 121(1A) ketika ini hanya menyentuh aspek bidang kuasa Mahkamah Sivil dan tidak memberikan kuasa kehakiman kepada Mahkamah Syariah sebagaimana yang dimiliki Mahkamah Sivil.

Beliau turut merujuk kepada kes Indira Gandhi yang menurutnya menyaksikan Mahkamah Syariah diibaratkan sebagai tribunal bawahan.

Katanya, keadaan itu menunjukkan perlunya penelitian terhadap kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem kehakiman negara, khususnya berkaitan kuasa kehakiman yang dimilikinya.

"Kalau kerajaan pada masa akan datang ingin memberikan kuasa kehakiman kepada Mahkamah Syariah, kena pinda Perkara 121(1A) yang menjadikan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa kehakiman," jelasnya.

KEBAJIKAN

Enakmen syariah Kelantan berpotensi jadi rujukan negeri lain



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Enakmen kesalahan jenayah syariah yang digubal Kelantan berpotensi menjadi rujukan kepada negeri lain untuk diteliti, diguna pakai dan ditambah baik sekiranya tiada cabaran undang-undang terhadap pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, perkongsian draf perundangan antara negeri dapat membuka ruang kepada penambahbaikan secara bersama bagi memperkukuh perundangan syariah.

Menurutnya, negeri lain seperti Kedah berpeluang meneliti draf atau enakmen Kelantan untuk disesuaikan dengan keperluan masing-masing, manakala Kelantan juga boleh mengambil manfaat daripada penambahbaikan yang dilakukan negeri lain.

"Sekiranya selepas ini tidak ada lagi pihak yang mencabar apa yang kita buat di Kelantan, maka negeri-negeri lain seperti Kedah dan lain-lain boleh mengambil draf atau enakmen yang ada di Kelantan untuk diguna pakai dan ditambah baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Daud, merasmikan Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Jelasnya, pendekatan perkongsian tersebut tidak seharusnya bersifat sehala kerana setiap negeri juga berpeluang memanfaatkan hasil penambahbaikan yang dilaksanakan oleh negeri lain.

"Apabila mereka buat lebih baik, kami di Kelantan pula boleh mengambil kebaikan tersebut untuk perbaiki negeri kami, insya-Allah," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa penggubalan enakmen baharu Kelantan dilaksanakan melalui penelitian mendalam dengan mengambil pandangan pakar, peguam syarie, peguam sivil, tenaga akademik dan hakim mahkamah.

Katanya, penglibatan pelbagai pihak dalam proses tersebut mencerminkan kepentingan kepakaran dan pandangan profesional bagi membantu membentuk perundangan yang lebih baik.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa usaha memperkukuh perundangan syariah perlu mengambil kira kekangan bidang kuasa serta kerangka perlembagaan yang diamalkan di negara ini.

Justeru, perkongsian pengalaman dan penambahbaikan antara negeri diharapkan dapat membuka ruang kepada pembangunan perundangan syariah yang lebih tersusun, dengan mengambil kira keperluan serta bidang kuasa masing-masing.

Pindaan Akta 355 diluluskan Kabinet pada 2022 namun tidak sempat dibentang – YB Wan Rohimi



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 20 Oktober – Cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) pernah mendapat kelulusan Kabinet pada Ogos 2022 namun tidak sempat dibentangkan di Parlimen susulan pembubaran Dewan Rakyat pada tahun sama.

Timbalan Exco Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang YB Wan Rohimi Wan Daud berkata, cadangan itu dikemukakan ketika beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Datuk Idris Ahmad, menerusi penubuhan Jawatankuasa Pemerkasaan Syariah.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel slot Wacana Intelektual bertajuk Penggubalan Semula Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 sempena Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, semalam.

Menurutnya, jawatankuasa berkenaan ditubuhkan bagi meneliti usaha meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah, termasuk mencadangkan pindaan terhadap had hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta 355.

"Perkara pertama yang dibuat oleh Menteri Agama ketika itu ialah menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan Syariah. Beliau meletakkan saya sebagai pengerusi dan meminta supaya Akta 355 dipinda," jelasnya.

Beliau memaklumkan, cadangan yang dikemukakan ketika itu melibatkan peningkatan had hukuman daripada penjara maksimum tiga tahun, denda RM5,000 dan enam sebatan kepada cadangan had denda RM100,000 serta peningkatan had sebatan.

Menurutnya lagi, cadangan pindaan tersebut mendapat kelulusan dasar Kabinet pada Ogos 2022 sebelum memperoleh persetujuan Jabatan Peguam Negara untuk meneruskan persediaan bagi pembentangannya di Parlimen.

Katanya, pada 7 Oktober 2022 pihaknya memperoleh persetujuan berkenaan bagi membolehkan persediaan dokumen cadangan pindaan dibuat untuk dibawa ke peringkat seterusnya.

Walau bagaimanapun, pembubaran Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2022 menyebabkan cadangan berkenaan tidak dapat dibentangkan sebagaimana perancangan.

"Semua persediaan ketika itu sudah dibuat dan kita menjangkakan cadangan itu dapat dibentangkan pada persidangan Parlimen. Namun, apabila Dewan Rakyat dibubarkan, proses tersebut tidak dapat diteruskan," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata usaha memperkasa Mahkamah Syariah bukan sahaja bergantung pada pindaan Akta 355, malah perlu dilihat secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira struktur perundangan dan institusi kehakiman di peringkat negeri.

Beliau turut menyentuh cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri, termasuk peruntukan berkaitan Mahkamah Syariah, penambahan satu lagi peringkat mahkamah serta perincian senarai negeri.

Menurutnya, perkara berkenaan wajar diberikan perhatian dalam usaha memperkasa pelaksanaan undang-undang Syariah di Kelantan.

Beliau juga menjelaskan, pandangan berhubung cadangan tersebut dikemukakan berdasarkan perbincangan dalam jawatankuasa dan bukan sebagai pendirian rasmi kerajaan negeri.

KEBERKATAN

Penggerak komunikasi kerajaan perlu kuasai undang-undang, elak risiko implikasi perundangan

Oleh: Norzana Razaly





KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Penguasaan undang-undang komunikasi, keselamatan siber dan dasar kerajaan menjadi keperluan penting bagi memastikan penggerak jaringan komunikasi Kerajaan Negeri Kelantan menyampaikan maklumat secara tepat, beretika dan berkesan tanpa terdedah kepada implikasi perundangan.

Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS) Dato' Dr. Wan Nik Wan Yusoff berkata, kefahaman tersebut membolehkan pegawai yang mengendalikan komunikasi rasmi membuat pertimbangan secara matang, khususnya dalam mengurus kandungan digital serta menjelaskan dasar kerajaan kepada masyarakat.

Menurutnya, kecekapan komunikasi diukur melalui kepantasan penyebaran maklumat dan turut bergantung pada ketepatan fakta, pematuhan undang-undang dan keupayaan membina kefahaman masyarakat terhadap sesuatu dasar.

"Penggerak jaringan komunikasi, siber dan dasar kerajaan perlu mempunyai kefahaman perundangan yang jelas supaya setiap kandungan yang dihasilkan selamat, kompeten dan berkesan dalam memberikan gambaran sebenar mengenai dasar Kerajaan Negeri Kelantan.

"Pendekatan ini penting bagi mengelakkan risiko perundangan, salah tafsir serta pembentukan persepsi yang tidak berasaskan fakta," katanya.

Beliau berkata demikian berhubung penganjuran Taklimat Undang-Undang Komunikasi, Siber dan Dasar-Dasar Kerajaan Negeri Kelantan anjuran Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, pada Jumaat.

Program berkenaan menghimpunkan 60 peserta terdiri daripada pegawai kanan agensi kerajaan, pegawai media Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pegawai media pemimpin negeri.

Dato' Dr. Wan Nik menjelaskan, taklimat tersebut turut bertujuan membentuk komuniti komunikasi yang inklusif melalui kerjasama antara agensi, sekali gus memperluas capaian maklumat rasmi kerajaan sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau memaklumkan, jaringan strategik yang tersusun membolehkan maklumat mengenai dasar, program dan inisiatif kerajaan disampaikan secara konsisten kepada pelbagai lapisan masyarakat.

"Matlamat kita adalah untuk melahirkan penggerak komunikasi yang bukan sahaja cekap menyampaikan maklumat, malah memahami tanggungjawab perundangan dan mampu membina jaringan strategik yang berkesan antara kerajaan dengan rakyat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Undang-Undang Negeri Kelantan (BAHUU) Khairiah Mohamad dalam pembentangannya menjelaskan perbezaan asas antara dasar kerajaan dengan undang-undang, khususnya dari segi tujuan, bidang kuasa, bentuk pelaksanaan dan kesan ketidakpatuhan.

Menurutnya, dasar berfungsi menetapkan hala tuju serta matlamat kerajaan melalui pendekatan strategik dan pentadbiran, manakala undang-undang menetapkan hak, kewajipan, larangan serta kuasa yang mempunyai kesan perundangan.

"Dasar lazimnya dilaksanakan melalui dokumen dasar, pelan tindakan, garis panduan, pekeliling atau keputusan kerajaan, sementara undang-undang diwujudkan melalui instrumen perundangan seperti akta, enakmen, peraturan dan perintah.

"Dari sudut pematuhan, ketidakpatuhan terhadap dasar boleh membawa kepada tindakan pentadbiran, manakala pelanggaran undang-undang boleh mengundang tindakan penguatkuasaan dan hukuman sebagaimana diperuntukkan dalam perundangan berkaitan," jelasnya.

Taklimat itu turut menampilkan Timbalan Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Dr. Nurul Akma Mohamed yang membentangkan Dasar-Dasar Sosial Negeri Kelantan.

Sesi terakhir pula dikendalikan oleh peguam, pengamal media dan pengacara Muhammad Adib Mohamed Saat menerusi pembentangan bertajuk Do's & Don'ts Komunikasi Digital Bagi Aktivis Media Sosial.

Kelantan terus martabatkan perundangan syariah selepas 16 seksyen dibatalkan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan usaha memartabatkan perundangan syariah selepas berdepan dengan pembatalan 16 seksyen undang-undang.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, komitmen itu diteruskan melalui kelulusan semula Rang Undang-Undang Kesalahan Syariah 2026 serta penganjuran persidangan yang menghimpunkan pakar perundangan.

Menurutnya, persidangan tersebut menjadi wadah untuk mengumpulkan kepakaran dan pandangan bagi membincangkan usaha pemerkasaan undang-undang Islam bersama masyarakat.

"Walaupun 16 seksyen itu terbatal sebelum ini, semangat kerajaan negeri sebenarnya tidak pudar sama sekali," tegasnya.

Beliau berkata, kelulusan semula rang undang-undang berkenaan tidak menghalang kerajaan negeri daripada meneruskan usaha memperluas kefahaman masyarakat menerusi program dan perkongsian ilmu berkaitan perundangan syariah.

"Bahkan setelah diluluskan semula Rang Undang-Undang Kesalahan Syariah 2026, kita terus menganjurkan persidangan ini bagi mengumpulkan pakar untuk berkongsi idea bersama rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Usaha berterusan itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk meneruskan agenda pemerkasaan perundangan syariah melalui penglibatan pakar dan peningkatan kefahaman masyarakat.

KESEJAHTERAAN

Pantai Timur, Borneo perlu diangkat sebagai wajah Malaysia – Dato' Mumtaz



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 18 Oktober - Naratif sejarah negara perlu diperluas dengan memberi ruang lebih besar kepada Pantai Timur dan wilayah Borneo bagi memastikan identiti Malaysia digambarkan secara seimbang, kata Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawi.

Katanya, sebagai sebuah negara berdaulat, aspek jati diri yang berakar dalam hati rakyat perlu diberikan tempat sewajarnya, termasuk dengan mengiktiraf warisan sejarah di pelbagai wilayah negara.

Menurutnya, gambaran sejarah Malaysia tidak seharusnya tertumpu kepada tinggalan seperti Kota A Famosa di Melaka dan George Town di Pulau Pinang semata-mata, sebaliknya turut merangkumi warisan sejarah di Pantai Timur dan Borneo.

"Kita menghargai Kota A Famosa dan George Town sebagai warisan tetapi ia bukan seluruh cerita dan gambaran naratif sebenar Malaysia," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2027 di Dewan Rakyat pada Khamis.

Katanya, Masjid Kampung Laut di Tumpat, Kelantan, antara warisan penting yang perlu diberikan perhatian, khususnya dari segi kajian dan pemuliharaan, selain berpotensi diketengahkan sebagai tapak warisan UNESCO.

Katanya, usaha berkenaan perlu dilaksanakan sebagaimana perhatian yang diberikan kepada warisan di Pulau Pinang dan Melaka.

Ujarnya, kerajaan perlu memberikan ruang lebih besar kepada warisan Pantai Timur dan wilayah Borneo dalam pembangunan naratif negara supaya sejarah Malaysia dapat diketengahkan secara lebih menyeluruh.

"Sekarang tiba masanya giliran Pantai Timur dan Wilayah Borneo untuk diangkat sebagai sebahagian daripada wajah Malaysia," katanya.

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar promosi negeri-negeri Pantai Timur dipergiatkan dengan mengetengahkan keunikan budaya dan makanan tradisional, termasuk nasi kerabu dan ayam percik, kepada masyarakat antarabangsa.

Tambahnya, undang-undang negeri, institusi kesultanan dan warisan seni bina turut mencerminkan perkembangan sejarah masyarakat di rantau ini dan perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Sehubungan itu, beliau berpandangan kerajaan perlu mengubah dasar dan pendekatan berkaitan sejarah negara dengan mempergiat usaha penyelidikan, pemuliharaan monumen dan tapak warisan serta memperkukuh pendidikan sejarah bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap asal usul pembentukan dan kedaulatan negara.

Dato' Mumtaz turut mencadangkan supaya satu dasar baharu berkaitan identiti negara diwujudkan, dengan penyelidikan sejarah dilaksanakan secara saintifik oleh universiti serta disokong bukti arkeologi dan antropologi.

Katanya, peruntukan khusus bagi kajian dan pemuliharaan, selain perancangan serta kepakaran berkaitan, diperlukan untuk membina kerangka identiti negara bangsa yang bermaruah.

Beliau menegaskan setiap naratif sejarah perlu berasaskan sumber yang boleh disemak secara terbuka, di samping mengiktiraf sumbangan pelbagai komuniti dalam pembentukan negara.

30 Tahun POPK: Tiga dekad ketabahan dan perjuangan komuniti orang pekak



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Perbezaan keupayaan bukan penghalang untuk mencipta kejayaan, sebaliknya setiap individu mempunyai potensi dan keistimewaan tersendiri yang wajar dihargai masyarakat.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, masyarakat tidak seharusnya menilai seseorang berdasarkan kekurangan yang terlihat, sebaliknya perlu mengiktiraf kelebihan, kemampuan dan sumbangan setiap individu.

Beliau menegaskan, perkara itu selaras dengan semangat perjuangan Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK) yang telah melalui tiga dekad usaha memperjuangkan hak, kebajikan dan kesejahteraan komuniti orang pekak.

"Berbeza keupayaan bukan penghalang untuk mencipta kejayaan, dan keterbatasan bukan alasan untuk menafikan kemuliaan seseorang insan," katanya di laman rasmi, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Makan Malam Amal sempena Ulang Tahun POPK ke-30 yang menghimpunkan komuniti orang pekak serta penggerak persatuan dari seluruh Malaysia di sebuah hotel di Kota Bharu, semalam.

Menurutnya, tempoh 30 tahun itu melambangkan kematangan, ketabahan dan semangat perjuangan yang berterusan dalam memastikan hak serta kebajikan komuniti orang pekak mendapat perhatian sewajarnya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua penggerak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) orang kurang upaya (OKU), khususnya di Kelantan dan seluruh negara, atas komitmen serta kesungguhan memberikan khidmat kepada golongan yang memerlukan.

"Marilah kita bersama-sama memberikan khidmat terbaik mengikut kemampuan dan tanggungjawab masing-masing, agar tiada insan yang terpinggir daripada menikmati kehidupan yang lebih baik," ujarnya.

Beliau berharap POPK terus maju dan istiqamah dalam perjuangannya serta kekal menjadi wadah kebajikan yang membawa manfaat kepada komuniti orang pekak.

Tambahnya, usaha berterusan semua pihak penting bagi memastikan golongan OKU mendapat ruang, sokongan dan peluang untuk menjalani kehidupan yang lebih baik serta menyumbang kepada masyarakat.



KEBAJIKAN

Dato' Mumtaz sambut baik elaun pelajar tingkatan enam, minta penjelasan kelayakan pelajar STAM

Oleh: Asri Hamat





KUALA LUMPUR, 19 Oktober - Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawi menyambut baik pengumuman elaun sara hidup RM2500 kepada murid tingkatan enam setara elaun pelajar Matrikulasi Yang akan memanfaatkan 90000 pelajar.

Namun beliau meminta penjelasan kerajaan sama ada pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), termasuk pelajar di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK), turut layak menerima elaun sara hidup tersebut yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2027.

"Tumpat menyambut baik pengumuman pemberian elaun berkenaan yang disetarakan dengan elaun pelajar matrikulasi dan dijangka memberi manfaat kepada 90,000 pelajar.

Namun persoalanya adakah pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang termasuk pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) turut layak untuk mendapatkan bantuan sara hidup ini," katanya ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2027 di Dewan Rakyat, pada Khamis.

Menyentuh mengenai projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), YB Dato' Mumtaz berkata, berdasarkan perkembangan dan laporan terkini, perkhidmatan itu dijangka mula beroperasi pada Disember ini.

Beliau turut merujuk kenyataan Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2027 bahawa Malaysia dan China sudah mencapai persetujuan untuk menyambung laluan ECRL ke Rantau Panjang.

Walau bagaimanapun, katanya, cadangan berkenaan masih belum dibawa ke Parlimen, manakala jajaran, kos dan jadual pelaksanaannya belum dimuktamadkan.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta kerajaan menjelaskan sama ada cadangan sambungan berkenaan sudah dimuktamadkan sepenuhnya.

"Sekiranya perkara itu masih dalam rundingan, perkembangannya perlu dijelaskan secara telus kepada rakyat supaya harapan mereka tidak mendahului keputusan yang belum dimuktamadkan," katanya.

Dalam pada itu, YB Dato' Mumtaz mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan perkhidmatan ECRL dapat dinikmati rakyat pada kadar tambang yang mampu milik.

Antaranya ialah memperkenalkan pas bulanan ECRL seperti pas My50 Community yang diperkenalkan KTM Komuter dalam Belanjawan 2027.

Beliau turut mencadangkan pilihan tiket dengan tempat duduk tetap dan tanpa tempat duduk tetap bagi memastikan tambang kekal mampu milik.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) menyediakan perkhidmatan tren ekspres terus dari Gombak ke Kota Bharu tanpa berhenti di stesen lain.

Menurutnya, permintaan terhadap perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur ke Kelantan masih tinggi dan keadaan itu membuka peluang kepada kerajaan untuk memacu serta merancakkan ekonomi bumiputera di Pantai Timur.

"Pastikan ia benar-benar membela rakyat untuk bergerak dan mencari rezeki serta senanglah pelancong untuk terus mendapat akses ke destinasi baharu pelancongan seperti Kota Bharu," ujarnya.

Tokoh, pakar perundangan berhimpun perkukuh syariah Kelantan





Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M menghimpunkan barisan tokoh serta pakar perundangan tanah air sebagai platform perkongsian kepakaran dalam usaha memperkukuh perundangan syariah di negeri ini.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, penglibatan pakar perundangan sivil dan syariah penting bagi memperluas kefahaman masyarakat mengenai kedaulatan undang-undang negeri.

Menurutnya, persidangan itu turut menjadi ruang untuk menghimpunkan pandangan daripada pelbagai latar belakang kepakaran bagi membincangkan hala tuju pemerkasaan perundangan Islam.

Antara tokoh yang terlibat ialah Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz dan mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Awang Armadajaya Awang Mahmud.

Turut berkongsi kepakaran ialah Ketua Hakim Syarie Terengganu Dato' Wan Abd Malik Wan Sidek, peguam bela dan peguam cara Dato' Zainul Rijal Abu Bakar serta Yusfarizal Yussoff, selain Timbalan Exco Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang YB Wan Rohimi Wan Daud.

"Alhamdulillah, tokoh-tokoh dan pakar-pakar perundangan telah dijemput khas untuk sama-sama berkongsi pandangan demi memartabatkan syariah di negeri Kelantan," katanya pada sidang media selepas persidangan berkenaan di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Beliau berkata, perkongsian kepakaran tersebut diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memantapkan perundangan syariah supaya terus relevan dan kukuh dalam mendepani cabaran semasa.

Kelantan susun semula elemen kesalahan syariah, bukan sekadar ganti 16 peruntukan – YB Wan Rohimi



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 19 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan mengambil pendekatan menyusun semula keseluruhan elemen kesalahan Syariah dalam penggubalan baharu Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019, bukannya sekadar menggantikan 16 peruntukan yang dibatalkan Mahkamah Persekutuan.

Timbalan Exco Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang YB Wan Rohimi Wan Daud berkata, pendekatan itu dirangka dengan mengambil kira keputusan mahkamah serta bidang kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam menggubal undang-undang berkaitan Islam.

Menurutnya, kerajaan negeri perlu meneliti kaedah penggubalan yang bersesuaian bagi memastikan peruntukan baharu mengambil kira ruang lingkup kesalahan agama tanpa mencabar keputusan Mahkamah Persekutuan dan kerangka Perlembagaan Persekutuan.

"Yang batal itu 16. Yang kami ubah semula, semua keseluruhan elemen itu kita buat baharu. Bahkan kita rebranding," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan moderator dalam slot Wacana Intelektual bertajuk Penggubalan Semula Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 sempena Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

YB Wan Rohimi memaklumkan, proses penggubalan semula bermula selepas keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari 2024 yang membatalkan 16 peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019.

Susulan keputusan itu, Dewan Negeri Kelantan meluluskan usul pada 6 Mac 2024 bagi mempertahankan undang-undang Syariah dan menggubal semula peruntukan yang dibatalkan.

Katanya lagi, kerajaan negeri kemudian menubuhkan jawatankuasa induk dan jawatankuasa teknikal bagi mengendalikan proses penggubalan, dengan beliau diberikan tanggungjawab menguruskan jawatankuasa teknikal.

Tambahnya, proses itu turut melibatkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jemaah Ulama Kelantan serta pakar undang-undang dan ahli akademik daripada beberapa universiti tempatan.

"Dalam beberapa jawatankuasa ini kita libatkan sampai 14 orang pakar undang-undang," ujarnya.

Menurutnya, jawatankuasa teknikal mengadakan hampir 10 bengkel dalam tempoh kira-kira lapan bulan bagi membincangkan dan menyediakan draf baharu sebelum dikemukakan untuk penelitian lanjut oleh jawatankuasa serta institusi berkaitan.

Beliau berkata, proses berkenaan memerlukan perbincangan mendalam bagi mencari pendekatan penggubalan yang bersesuaian dengan asas hukum Syariah dan kerangka perlembagaan.

"Macam mana nak gubal benda baharu tanpa cabar terus keputusan Mahkamah Persekutuan dan tanpa mencabar perlembagaan," jelasnya.

YB Wan Rohimi juga menjelaskan, penggubalan baharu itu memberi tumpuan kepada ruang lingkup kesalahan yang melibatkan akidah, akhlak dan kesucian institusi, dengan mengambil kira bidang kuasa negeri.

Tambahnya, pendekatan itu turut melibatkan penelitian semula elemen kesalahan berdasarkan konsep fiqh, termasuk dalam merangka peruntukan berkaitan kesalahan Syariah.

"Semua yang kita kanunkan yang baharu dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2026 ini adalah berdasarkan ruang lingkup pure religious offences yang melibatkan akidah, akhlak dan kesucian institusi-institusi," ujarnya.

Enakmen baharu itu diluluskan pada 12 Ogos 2026 selepas melalui proses penggubalan dan penelitian oleh jawatankuasa serta institusi berkaitan.

Perundangan Islam perlu teroka ruang kewangan dan perdagangan moden - Awang Armadajaya



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Pengamal perundangan dan cendekiawan syariah perlu memperluaskan pemikiran strategik bagi meneroka penerapan prinsip Islam dalam bidang di luar ruang lingkup tradisional undang-undang negeri, termasuk kewangan, perdagangan antarabangsa dan pentadbiran awam.

Peguam Bela dan Peguam Cara yang juga mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya Awang Armadajaya Awang Mahmud berkata, perbahasan mengenai undang-undang Islam tidak seharusnya tertumpu kepada Senarai Negeri atau hal ehwal kekeluargaan semata-mata.

"Pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan Islam membuktikan bahawa prinsip syarak mempunyai ruang untuk diterapkan dalam bidang moden yang memerlukan kefahaman hukum dan kepakaran teknikal," katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan memperkasakan peranan institusi fatwa, mufti dan hakim syarie supaya kepakaran mereka dapat menyumbang kepada penelitian isu kewangan serta sosioekonomi semasa.

"Pembangunan profesionalisme institusi perundangan syariah tidak seharusnya diukur berdasarkan kemudahan fizikal semata-mata, sebaliknya perlu disertai penguasaan ilmu yang mendalam tentang realiti masyarakat dan perkembangan semasa.

"Penguasaan kitab muamalat klasik perlu digabungkan dengan pemahaman teknikal berkaitan instrumen moden seperti takaful dan pasaran modal bagi membolehkan isu kontemporari dinilai secara lebih menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Slot 3 (Analisis Perundangan) bertajuk "Kompetensi Dewan Undangan Negeri: Cabaran dan Hala Tuju" sempena Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Tambahnya, penerokaan ruang perundangan yang lebih luas, disokong penguasaan ilmu dan kepakaran profesional, dapat memperkukuh sumbangan institusi perundangan Islam dalam mendepani keperluan masyarakat moden.

KEBERKATAN

Kesultanan Melayu pelindung Islam, pemangkin sistem Perundangan Syariah



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 19 Oktober – Institusi Kesultanan Melayu perlu memainkan peranan lebih luas daripada sekadar mempertahankan kedudukan Islam dengan menjadi pemangkin kepada pembaharuan dan pemerkasaan sistem Perundangan Syariah yang berwibawa, adil serta relevan dengan perkembangan semasa.

Pensyarah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universti Islam Antarabangsa Malaysia (AIKOL) yang juga Pakar Perlembagaan Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Abdul Aziz berkata, institusi beraja menjadi benteng yang melindungi kedudukan Islam daripada ancaman dalaman dan luaran bertanggungjawab memastikan perundangan Islam terus berkembang dan berfungsi dalam kerangka Perlembagaan negara.

Menurutnya, peranan tersebut merangkumi usaha memelihara kedudukan Islam, menaungi institusi agama serta menggalakkan pembangunan perundangan syariah yang berkualiti.

"Kesultanan Melayu perlu berperanan sebagai pemelihara kedudukan Islam, penaung institusi agama dan pemangkin kepada pembangunan perundangan Islam yang berwibawa, adil serta relevan dengan keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Slot 2 (Refleksi Sarjana) "Kesultanan Melayu Benteng Kedaulatan Undang-Undang Syariah" di Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Mengulas kedudukan institusi beraja dalam sistem perundangan negara, beliau menjelaskan bahawa tiga institusi utama, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Pemerintah negeri dan Majlis Raja-Raja mempunyai peranan masing-masing dalam memelihara kedudukan Islam serta pentadbiran undang-undangnya.

Katanya, kedudukan tersebut diperkukuh melalui Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan Undang-Undang Tubuh negeri yang mengiktiraf Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam.

"Di Kelantan, Perkara 6 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan memperuntukkan kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam negeri dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berperanan membantu serta menasihati baginda.

"Kedudukan ini memperlihatkan bahawa institusi Kesultanan Melayu merupakan lambang sejarah dan warisan pemerintahan dan turut mempunyai fungsi perlembagaan yang penting dalam memastikan kelangsungan pentadbiran Islam," jelasnya.

Mantan Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu juga menegaskan, usaha mempertahankan undang-undang syariah tidak bermaksud semua peruntukan sedia ada perlu dikekalkan tanpa penilaian atau pembaharuan.

Beliau juga berpandangan, institusi Kesultanan Melayu perlu menjadi pemangkin kepada penyelidikan, semakan dan penambahbaikan enakmen syariah supaya selaras dengan prinsip Islam, kehendak Perlembagaan serta keperluan masyarakat.

"Prinsip utamanya ialah mempertahankan Syariah melalui perundangan yang berkualiti, bukan sekadar mempertahankan kewujudan sesuatu undang-undang," tegasnya.

Beliau turut menggariskan kepentingan penyelarasan perundangan antara negeri apabila bersesuaian tanpa mengabaikan bidang kuasa negeri dan kepelbagaian pandangan fiqh.

Sehubungan dengan itu, kedudukan Majlis Raja-Raja boleh dimanfaatkan sebagai platform strategik untuk membincangkan cabaran bersama institusi agama, menggalakkan penyelarasan pentadbiran Islam dan memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Beliau mengingatkan, peranan Raja-Raja Melayu sebagai penaung dan pemelihara agama hendaklah sentiasa dilaksanakan menurut Perlembagaan Persekutuan serta Perlembagaan Negeri masing-masing.

Tegasnya, kedudukan tersebut tidak dengan sendirinya memberikan kuasa tanpa batas untuk mengubal undang-undang atau mengarahkan keputusan kehakiman.

Justeru, pemerkasaan institusi Kesultanan Melayu perlu bergerak seiring dengan pematuhan prinsip perlembagaan bagi memastikan kedaulatan Islam terus dipelihara melalui sistem perundangan yang sah, berkesan dan dihormati.

Hampir 3,000 peserta sertai persidangan syariah Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim





KOTA BHARU, 19 Oktober – Hampir 3,000 peserta memenuhi dewan Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M, sekali gus memperlihatkan penyertaan meluas dalam program berkaitan pemerkasaan perundangan Islam itu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, persidangan berkenaan menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang untuk bersama-sama mengikuti perbincangan mengenai perundangan syariah.

Menurutnya, kehadiran peserta turut melibatkan pengamal undang-undang sivil dan syariah serta orang awam yang mengikuti perkembangan berkaitan kedaulatan undang-undang negeri.

Persidangan sempena sambutan Hari Hududullah itu turut dihadiri ketua-ketua hakim syarie negeri dan wakil Majlis Agama Islam negeri-negeri lain, termasuk Sabah.

"Dewan persidangan kita telah dipenuhi oleh hampir 3,000 peserta yang hadir sejak dari pagi tadi bagi memberi sokongan padu kepada persidangan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas persidangan berkenaan di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Penyertaan tersebut menjadi sebahagian daripada platform perkongsian ilmu dan pandangan antara pengamal undang-undang dengan masyarakat dalam membincangkan usaha memperkukuh perundangan syariah.

Maqasid syariah asas penggubalan undang-undang berteraskan keadilan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Oktober – Prinsip Maqasid Syariah wajar diterapkan secara menyeluruh dalam proses penggubalan undang-undang negara bagi memastikan setiap peruntukan yang dibentuk berteraskan kebajikan rakyat, keadilan dan pemeliharaan kepentingan manusia.

Peguam bela dan peguam cara yang juga mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya Awang Armadajaya Awang Mahmud berkata, Maqasid Syariah perlu difahami sebagai kerangka yang luas dalam memastikan undang-undang memenuhi matlamat pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Menurutnya, penerapan prinsip tersebut dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan tidak seharusnya terhad kepada pemahaman keagamaan yang sempit, sebaliknya perlu diterjemahkan dalam pembentukan perundangan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Antara pendekatan yang boleh dipertimbangkan ialah memasukkan mukadimah dalam enakmen negeri dan akta persekutuan bagi menjelaskan tujuan, asas serta matlamat sesuatu undang-undang digubal.

"Kerangka Perlembagaan Persekutuan, termasuk kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di bawah Perkara 3, perlu difahami dalam konteks sejarah dan falsafah pembentukan perlembagaan negara.

"Kerjasama antara badan perundangan, hakim dan penggubal dasar penting bagi memastikan prinsip Maqasid Syariah dapat diterapkan dengan berkesan dalam pembentukan undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Slot 3 (Analisis Perundangan) bertajuk "Kompetensi Dewan Undangan Negeri: Cabaran dan Hala Tuju" sempena Persidangan Syariah dan Perundangan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1448H/2026M di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Penerapan Maqasid Syariah secara menyeluruh diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan sistem perundangan yang lebih adil, berkesan dan mengambil kira kepentingan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Kelantan mahu jadikan inovasi sumber ekonomi baharu negeri



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan mahu memperluas peranan inovasi daripada sekadar kempen kesedaran kepada pemacu pertumbuhan ekonomi negeri melalui penerokaan idea kreatif, pembangunan teknologi dan penghasilan produk bernilai komersial.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, sudah tiba masanya inovasi diterjemahkan kepada kegiatan ekonomi yang mampu membuka peluang kepada pereka bentuk, pencipta dan pengusaha tempatan.

Menurutnya, inovasi tidak seharusnya terbatas kepada bidang sains dan teknologi semata-mata kerana setiap portfolio pentadbiran kerajaan mempunyai ruang untuk meneroka pendekatan baharu yang lebih cekap, produktif dan berdaya saing.

"Selama ini, inovasi lebih bersifat kempen. Sudah sampai masanya kita menjadikan inovasi sebagai sumber ekonomi negeri.

"Pereka bentuk tempatan perlu diberikan peluang untuk meneroka idea dan mencetuskan inovasi yang berpotensi dikembangkan kepada kegiatan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Wacana 36 Tahun Membangun Bersama Islam bertajuk Kelangsungan Membangun Bersama Islam dan Kesiapsiagaan Mendepani Masa Hadapan di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, di sini, hari ini.

Diskusi intelektual itu turut menampilkan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud dengan Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Dato' Dr. Wan Nik Wan Yusoff bertindak sebagai moderator.

Mengulas lanjut, YB Kamaruzaman berkata, kerajaan negeri turut memberikan perhatian terhadap pembangunan infrastruktur digital melalui perancangan Pelan Digital Kelantan yang merangkumi pembangunan industri dan prasarana digital.

Katanya lagi, pelan berkenaan sedang diusahakan untuk mendapatkan kelulusan termasuk perancangan berkaitan pelan tindakan pertanian negeri bagi memperkukuh ekosistem pembangunan berasaskan teknologi.

Beliau turut menyentuh cadangan memberikan keutamaan peruntukan belanjawan kepada inisiatif yang berpotensi meningkatkan keupayaan inovasi dan pembangunan ekonomi negeri.

Dalam perkembangan pendidikan, beliau berkata, Kelantan mempunyai identiti tersendiri dalam pembangunan pendidikan Islam menerusi Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang menjadi antara institusi penting dalam melahirkan modal insan berteraskan ilmu dan nilai Islam.

"Kelantan mempunyai tanda dagang tersendiri dalam pendidikan Islam melalui YIK. Program pendidikan yang kita laksanakan turut menjadi rujukan dan dicontohi pihak lain," jelasnya.

Menurutnya, kerajaan negeri turut merancang usaha menaik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) kepada universiti penuh pada tahun hadapan.

Selain itu, potensi penggunaan bangunan milik kerajaan negeri dan bangunan YIK sebagai tapak penjanaan tenaga solar turut diberikan perhatian sebagai sebahagian daripada penerokaan teknologi hijau.



Negeri disaran pinda Undang-Undang Tubuh, peruntuk penubuhan Mahkamah Syariah



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Oktober - Peguam Bela dan Peguam Cara Dato' Zainul Rijal Abu Bakar menyarankan negeri-negeri di Malaysia meminda Undang-Undang Tubuh Negeri masing-masing bagi memperuntukkan penubuhan Mahkamah Syariah, sekali gus memperkukuh kedudukannya dalam kerangka perundangan negeri.

Cadangan itu disuarakan susulan keputusan dalam kes Indira Gandhi yang, menurut Tan Sri Zainun Ali, menimbulkan persoalan mengenai kedudukan Mahkamah Syariah berbanding mahkamah sivil.

Kata Dato' Zainul Rijal, selepas keputusan berkenaan, beliau mengunjungi beberapa negeri bagi menyuarakan keperluan meminda Undang-Undang Tubuh Negeri supaya penubuhan Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam undang-undang tertinggi negeri.

"Pada masa itu, hanya Terengganu yang mempunyai peruntukan berkaitan penubuhan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Negeri.

"Alhamdulillah, setakat 2026, Kedah, Perak dan Selangor turut mempunyai peruntukan berkenaan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri masing-masing."

Beliau berkata demikian dalam slot Wacana Intelektual sempena Persidangan Syariah dan Perundangan peringkat Negeri Kelantan di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Menurutnya, langkah berkenaan penting bagi mengelakkan tanggapan bahawa penubuhan Mahkamah Syariah hanya bersandarkan enakmen pentadbiran negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Dato' Zainul Rijal turut berkongsi pengalaman sebagai ahli jawatankuasa undang-undang di Selangor, apabila Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Berlima.

Beliau berkata, jawatankuasa itu berperanan membincangkan kes berkaitan undang-undang Islam, termasuk kes berprofil tinggi.

Katanya, negeri lain boleh mempertimbangkan penubuhan jawatankuasa seumpama itu atau memanfaatkan dapatan Jawatankuasa Berlima untuk digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya Majlis Agama Islam negeri-negeri menjalin kerjasama strategik dalam mempertahankan serta mentadbir undang-undang Islam.

Menurutnya, peranan majlis agama tidak seharusnya tertumpu kepada pengurusan zakat dan wakaf semata-mata, sebaliknya turut merangkumi usaha mempertahankan kepentingan Islam.

"Mungkin boleh diwujudkan satu pakatan atau persetujuan antara negeri, iaitu jika undang-undang Islam sesebuah negeri dicabar, Majlis Agama Islam negeri lain boleh bertindak sebagai peguam pemerhati dan sebagainya, seperti dalam kes Nik Elin," katanya.

Penyebaran maklumat tepat perlu digerakkan hingga ke peringkat komuniti – YB Mohd Asri

Oleh: Syamimi Manah





KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Penyebaran maklumat tepat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan negeri perlu digerakkan hingga ke peringkat komuniti dengan penglibatan pelbagai pihak bagi mendepani cabaran penyebaran maklumat palsu dalam era kecerdasan buatan (AI).

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, usaha penerangan tidak seharusnya bergantung kepada agensi kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan lebih ramai penggerak bagi memastikan maklumat yang benar sampai kepada masyarakat.

Menurutnya, perkembangan media sosial dan teknologi AI menyukarkan orang ramai membezakan maklumat benar dengan palsu, lebih-lebih lagi apabila kandungan yang tidak tepat dicampuradukkan dengan fakta sebenar.

"Pada hari ini berlaku penularan melalui media sosial sehinggakan kita tidak tahu adakah berita tersebut benar ataupun palsu. AI, suaranya suara seseorang, mukanya muka yang sama, tetapi ucapannya bukan ucapan dia. Perkara itu boleh dijana oleh AI pada hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Slot Wacana 36 Tahun Membangun Bersama Islam bertajuk Kelangsungan Membangun Bersama Islam dan Kesiapsiagaan Pendukung Mendepani Masa Hadapan di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, di sini, hari ini.

Beliau juga memaklumkan, Dasar Penerangan Negeri Kelantan yang dilancarkan pada Januari lalu menggariskan keperluan menggunakan pelbagai pendekatan komunikasi, termasuk saluran digital dan kaedah tradisional bagi memastikan maklumat dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat.

Katanya, penerbitan bahan bercetak seperti buku, risalah dan majalah masih relevan sebagai sumber rujukan walaupun penggunaan internet semakin meluas.

"Walaupun kita berada pada era digital dan AI, hebahan secara tradisional juga perlu diperkukuh melalui percetakan risalah, pamflet dan buku untuk diedarkan kepada rakyat.

"Sebab itulah hebahan dan penerangan secara tradisional perlu dipertingkatkan, walaupun orang ramai pada hari ini mempunyai akses kepada internet," ujarnya.

YB Mohd Asri turut menegaskan, pendekatan penerangan melalui media sosial perlu disesuaikan dengan kecenderungan generasi muda yang lebih tertarik kepada kandungan ringkas, mudah diakses dan menarik.

Menurutnya, pelaksanaan podcast serta penggunaan video pendek antara pendekatan yang digunakan bagi menarik perhatian pengguna media sosial, termasuk golongan Generasi Z dan Generasi Y.

Tambahnya, kepentingan memperluas penglibatan penggerak penerangan di peringkat komuniti, termasuk TikToker, pempengaruh dan golongan muda yang boleh membantu menyampaikan maklumat kepada masyarakat melalui platform masing-masing.

"Cabaran kita ialah bukan semua kita kena serahkan kepada pihak yang berautoriti sahaja, tetapi semua kita kena jadi ejen untuk menerangkan pencapaian dan kebaikan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri.

"Dalam Dasar Penerangan itu, satu agenda besar yang perlu diuruskan ialah meramaikan penggerak penerangan di peringkat komuniti, khususnya dengan melibatkan TikToker, pempengaruh dan pemuda dalam pendekatan media sosial sekarang," jelasnya.

KESEJAHTERAAN

Era digital, Kelantan kekal pertahan media cetak - Exco Penerangan

Oleh: Norzana Razaly





KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus mengekalkan penerbitan dan pengedaran bahan bercetak sebagai medium penyampaian maklumat rasmi kepada masyarakat meskipun perkembangan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) semakin mengubah landskap komunikasi masa kini.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, pendekatan penerangan secara konvensional masih relevan bagi memastikan maklumat mengenai dasar, program dan inisiatif kerajaan dapat diakses oleh seluruh lapisan masyarakat.

Menurutnya, penggunaan teknologi komunikasi moden tidak seharusnya menyebabkan saluran penerangan tradisional diketepikan, khususnya bagi memenuhi keperluan masyarakat yang masih bergantung kepada bahan bercetak sebagai sumber maklumat.

"Hebahan secara tradisional diteruskan melalui pengedaran risalah, penerbitan majalah Fajar Islam dan bahan bercetak lain kerana walaupun masyarakat semakin cenderung mengakses maklumat secara digital, kerajaan negeri berpandangan bahan cetakan tetap diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Wacana 36 Tahun Membangun Bersama Islam bertajuk Kelangsungan Membangun Bersama Islam dan Kesiapsiagaan Mendepani Masa Hadapan di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, di sini, hari ini.

Wacana berkenaan turut menampilkan Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Kamaruzaman Mohamad sebagai ahli panel manakala Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Dato' Dr. Wan Nik Wan Yusoff bertindak sebagai moderator.

YB Mohd Asri menjelaskan bahawa kepelbagaian medium komunikasi merupakan antara pendekatan yang diberikan penekanan dalam Buku Dasar Penerangan terbitan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN).

Katanya, dokumen berkenaan menjadi panduan dalam memperkukuh keberkesanan penyampaian maklumat kerajaan melalui pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan serta tahap akses masyarakat terhadap teknologi komunikasi.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan bahawa saluran digital dan penerbitan bercetak perlu dimanfaatkan secara saling melengkapi bagi memastikan penyampaian dasar kerajaan tidak terbatas kepada golongan celik teknologi sahaja.

Dalam perkembangan berkaitan, YB Mohd Asri memaklumkan bahawa Portfolio Hubungan Seranta dengan kerjasama UPKN dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) PERAKAN turut melaksanakan Program Hubbul Watan bagi memperluas kefahaman masyarakat terhadap dasar serta pentadbiran negeri.

Menurutnya, program tersebut melibatkan penyampaian taklimat kepada wakil lebih 40 cawangan PERAKAN di seluruh Malaysia bagi membolehkan mereka memperoleh maklumat secara langsung daripada pihak kerajaan negeri.

"Program ini turut membuka ruang interaksi dua hala antara wakil pertubuhan dengan barisan kepimpinan supaya penjelasan mengenai dasar dan pentadbiran negeri dapat disampaikan dengan lebih tepat," katanya.

Sementara itu, menyentuh aspek pembangunan masyarakat berteraskan Islam, beliau berkata, pengukuhan institusi keluarga melalui penghayatan ibadah menjadi antara tumpuan utama pelaksanaan program Shariah Life yang digerakkan menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Beliau menegaskan bahawa pembentukan keluarga sejahtera perlu bermula dengan pemantapan amalan solat dalam kalangan ahli keluarga kerana ibadah tersebut merupakan asas pembinaan akhlak dan kehidupan berteraskan nilai Islam.

"Kejayaan sesebuah institusi keluarga bergantung kepada kualiti solat ahli keluarganya. Inilah antara matlamat yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Shariah Life," ujarnya.

KIAS universiti penuh menjelang tahun depan - YB Kamaruzaman



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 20 Oktober – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) disasarkan dinaik taraf sebagai universiti penuh menjelang tahun depan, sekali gus membuka lembaran baharu dalam pembangunan pendidikan tinggi milik Kerajaan Negeri Kelantan.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, usaha menaik taraf KIAS yang kini berstatus kolej universiti itu merupakan langkah strategik bagi memperkukuh penyediaan pendidikan tinggi yang holistik berteraskan falsafah dan modul tempatan.

Menurutnya, meskipun Kelantan mungkin agak lewat memiliki institusi pengajian tinggi milik negeri berstatus universiti penuh berbanding negeri lain, hasrat tersebut tetap menjadi pencapaian penting dalam memperkasa sektor pendidikan negeri.

"Melalui pengiktirafan sebagai universiti penuh kelak, kita mampu menyediakan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih mantap di bawah naungan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Wacana 36 Tahun Membangun Bersama Islam bertajuk Kelangsungan

Membangun Bersama Islam dan Kesiapsiagaan Pendukung Mendepani Masa Hadapan sempena Majlis Perasmian dan Amanat YAB Menteri Besar Kelantan sempena Sambutan Ulang tahun ke-36 MBI Tahun 2026di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Mengulas perkembangan 0pendidikan negeri, beliau berkata Kelantan mempunyai asas yang kukuh menerusi pentadbiran 93 buah sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang menampung lebih 40,000 pelajar.

Sehubungan itu, beliau menegaskan sektor pendidikan negeri perlu terus bergerak ke hadapan dengan melakar pencapaian baharu, bukannya berpuas hati dengan kejayaan sedia ada.

Katanya lagi, usaha memperkukuh institusi pendidikan termasuk KIAS penting bagi memastikan Kelantan terus membangunkan ekosistem pendidikan yang berupaya menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

KEBERKATAN

Bengkel bioflok perkasa industri akuakultur Kelantan

Oleh: Asri Hamat





JELI, 20 Oktober - Penganjuran bengkel Biokoa: Bioflok Ternakan Tilapia mampu memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknologi sistem bioflok melalui pendekatan teori dan praktikal, msmpu meningkatkan pengetahuan serta kemahiran peserta dalam bidang akuakultur sekali gus memperkasakan industri akuakultur di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bengkel itu memberi peluang kepada peserta memahami kaedah pengurusan sistem bioflok, teknik penternakan serta amalan bersesuaian untuk diaplikasikan dalam aktiviti akuakultur.

Menurutnya, pendedahan kepada teknologi dan kaedah penternakan yang sesuai amat penting bagi meningkatkan keupayaan pengusaha mengembangkan aktiviti akuakultur secara lebih terancang.

"Pendedahan melalui bengkel ini diharap dapat membuka peluang kepada peserta untuk meneroka bidang penternakan ikan tilapia sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang berpotensi,"

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Biokoa: Bioflok Ternakan Tilapia, di Fish Propagation House, Politeknik Jeli, pada Isnin.

Program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) dan Politeknik Jeli Kelantan itu disertai 30 peserta.

Beliau berharap ilmu yang diperoleh sepanjang bengkel berkenaan diharap tidak terhenti setakat latihan, sebaliknya dimanfaatkan dalam pelaksanaan projek penternakan sebenar.

Beliau memaklumkan, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan pembangunan sektor pertanian dan agromakanan yang berpotensi memberikan manfaat kepada rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Dalam konteks ini katanya, industri akuakultur mempunyai ruang untuk terus dibangunkan menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran teknikal dan penggunaan teknologi penternakan yang bersesuaian.

Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan industri akuakultur memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan, pemain industri dan bakal pengusaha.

"Kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, KBCSB serta Politeknik Jeli Kelantan ini merupakan pendekatan baik dalam memperkukuh pembangunan industri berasaskan ilmu dan teknologi," katanya.

Tambahnya, KBCSB berperanan menyelaras pelaksanaan bengkel itu, manakala kepakaran teknikal, kemudahan latihan dan tenaga pengajar daripada Politeknik Jeli Kelantan membantu memastikan peserta memperoleh pendedahan yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap kerjasama strategik berkenaan dapat diteruskan bagi memperluas perkongsian ilmu, meningkatkan keupayaan peserta mengaplikasikan teknologi yang dipelajari serta membuka ruang kepada pelaksanaan program latihan dan pembangunan kemahiran lain yang memberi manfaat kepada masyarakat dan industri agromakanan Kelantan.

PauDeen peroleh sijil halal Malaysia, perkukuh keyakinan terhadap produk tempatan





Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 19 Oktober – Produk pau jenama PauDeen keluaran Saipuddin Empire Sdn. Bhd. menerima Sijil Pengesahan Halal Malaysia, sekali gus memperluas pengiktirafan terhadap produk tempatan dalam industri halal negara.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata demikian dalam kenyataan di media sosialnya selepas menyampaikan sijil berkenaan di kilang baharu syarikat itu di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, semalam.

Menurutnya, usaha mendapatkan pensijilan halal itu membuktikan kesungguhan pengusaha dalam memartabatkan industri halal tanah air serta memenuhi komitmen terhadap pengeluaran produk tempatan.

"Usaha beliau mendapatkan sijil halal ini merupakan usahanya yang sekian lama, juga bukti kesungguhannya dalam memartabatkan industri halal tanah air," menurutnya.

PauDeen memulakan perniagaan secara kecil-kecilan pada tahun 2018 sebelum berkembang menerusi sistem ejen perniagaan ke perniagaan (B2B). Penjenamaan berskala besar bermula pada Mac 2021, dengan pasaran produknya kini meliputi Semenanjung Malaysia hingga Singapura.

Syarikat itu kini menghasilkan antara 10,000 hingga 15,000 biji pau sehari dengan sokongan 40 pekerja.

Dalam majlis sama, YB Mohd Asri turut merasmikan pakej perniagaan Coley PauDeen Titanium, iaitu pakej lengkap Premium berharga RM18,000, manakala pakej biasa bagi sebuah Coley ditawarkan pada harga RM10,000.

Penyampaian sijil berkenaan diharap dapat menjadi dorongan kepada lebih ramai pengusaha tempatan untuk mendapatkan pensijilan halal, sekali gus memperkukuh keyakinan pengguna terhadap produk keluaran tempatan dan menyokong perkembangan industri halal negara.

KEMAKMURAN

Perpindahan 84 keluarga orang asli Pos Pulat selesai, kebajikan penduduk terus diberi perhatian – YB Saizol

Oleh: Syamimi Manah



> “Harapan kita adalah supaya perpindahan ke Plot A menjadi permulaan kepada kehidupan yang lebih baik, sambil hubungan kekeluargaan, adat dan budaya masyarakat Orang Asli terus terpelihara”

GUA MUSANG, 20 Oktober – Sebanyak 368 penduduk daripada 84 ketua isi rumah komuniti Orang Asli Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias telah berpindah ke penempatan baharu di Plot A pada 7 September lalu, dengan kebajikan serta kemudahan asas penduduk terus diberi perhatian bagi memastikan kesejahteraan mereka.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail berkata, pembangunan perlu membawa manfaat yang dapat dirasai rakyat, khususnya melalui penyediaan tempat tinggal yang selesa, kemudahan asas yang baik serta peluang meningkatkan taraf hidup.

Menurutnya, meskipun Projek Hidroelektrik Nenggiri mempunyai kepentingan dalam menyokong keperluan tenaga negara, kebajikan dan masa depan komuniti yang terlibat perlu terus diberikan perhatian.

“Harapan kita adalah supaya perpindahan ke Plot A menjadi permulaan kepada kehidupan yang lebih baik, sambil hubungan kekeluargaan, adat dan budaya masyarakat Orang Asli terus terpelihara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Kesyukuran Perpindahan Komuniti Orang Asli Pos Pulat ke Penempatan Baharu (Plot A), Gua Musang, semalam.

Beliau memaklumkan, proses perpindahan itu mencerminkan usaha bersama komuniti dan semua pihak terlibat, selain merakamkan penghargaan kepada pemimpin serta wakil komuniti yang membantu menyampaikan maklumat, mengemukakan keperluan penduduk dan melancarkan urusan berkenaan.

“Terima kasih buat Dato’ Mohd Rushdi Ismail Ketua Jajahan Gua Musang yang turut bersama Ts. Abidin Sarjo Pengarah Urusan TNB REMACO, pengurusan TNB Genco, TNB R&D, Pengarah JAKOA Negeri Mohd Faedyzal Mohamed serta pasukan-pasukan yang hadir menjayakan majlis penuh makna ini,” katanya.

Menurutnya, perhatian seterusnya perlu diberikan kepada proses penyesuaian keluarga di penempatan baharu, termasuk urusan harian, sumber pendapatan dan penggunaan kemudahan yang disediakan.

Dalam aspek infrastruktur, beliau berkata, kemudahan seperti akses jalan yang selamat, bekalan air yang baik, sistem saliran serta kemudahan awam perlu diberikan perhatian bagi menyokong kehidupan harian penduduk.

“Selepas penduduk mula menetap di sini, maklum balas mengenai penggunaan kemudahan tersebut amat penting. Perkara yang memerlukan perhatian perlu dibawa kepada pihak bertanggungjawab untuk tindakan susulan secara terselaras,” ujarnya.

Sehubungan dengan itu, YB Saizol berharap kerjasama antara kerajaan negeri, TNB Genco, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pejabat Tanah dan Jajahan serta agensi berkaitan perlu diteruskan bagi memastikan keperluan komuniti mendapat perhatian sewajarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, perpindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Pulat ke premis baharu yang melibatkan 41 murid dan 14 guru turut menjadi aspek penting bagi memastikan pendidikan anak-anak terus diberi perhatian.

YB Saizol berharap ibu bapa terus memberikan sokongan dan galakan kepada anak-anak untuk hadir ke sekolah serta mengikuti pembelajaran dengan baik, manakala guru pula terus membimbing murid menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

Beliau turut mengingatkan masyarakat supaya bersama-sama menjaga penempatan baharu itu agar kekal selesa, selamat dan harmoni, sekali gus menjadi tempat anak-anak membesar dengan baik serta keluarga membina kehidupan yang lebih sejahtera.

Beliau merakamkan penghargaan kepada seluruh komuniti Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias, TNB, TNB Genco, pasukan Projek Hidroelektrik Nenggiri, JAKOA, Pejabat Tanah dan Jajahan, pihak sekolah serta semua agensi berkaitan atas kerjasama dalam menjayakan proses perpindahan berkenaan.





Kebersihan alam sekitar perlu bermula di Kota Darulnaim – MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah



> “Saya mahu setiap jabatan dan agensi yang terlibat memberikan perhatian khusus terhadap keberkesanan pelaksanaan, kaedah pemantauan dan hasil yang dicapai. Insya-Allah, kejayaannya akan dinikmati secara bersama,”

KOTA DARULNAIM, 17 Oktober – Usaha menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar perlu bermula di Kompleks Kota Darulnaim sebelum diperluas ke seluruh daerah bagi memastikan persekitaran yang bersih, teratur dan selamat untuk masyarakat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, Kota Darulnaim sebagai pusat pentadbiran negeri perlu mencerminkan imej Kelantan sekali gus menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memastikan kebersihan dan keindahannya sentiasa terpelihara.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Kelantan Eco Life 2026 bertemakan Kecaknaan Kebersihan Tanggungjawab Bersama anjuran Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, di sini, hari ini.

Menurutnya, kejayaan usaha menjaga alam sekitar bukan sekadar diukur melalui aktiviti gotong-royong atau jumlah pokok yang ditanam, sebaliknya bergantung pada perubahan sikap masyarakat untuk mengekalkan kebersihan secara berterusan.

“Kita boleh membersihkan sesuatu kawasan dalam tempoh beberapa jam atau menanam 100 batang pokok, tetapi kejayaan sebenar ialah apabila kawasan itu terus bersih selepas program berakhir dan pokok yang ditanam terus hidup,” katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negeri yang berteraskan Islam, penjagaan kebersihan dan alam sekitar perlu difahami sebagai amanah daripada Allah SWT yang menuntut tanggungjawab manusia untuk memeliharanya daripada kerosakan.

Katanya, tuntutan menjaga kebersihan tidak seharusnya terhad kepada diri sendiri dan tempat ibadah, tetapi perlu diterapkan dalam kehidupan seharian, termasuk di pejabat, jalan raya serta kawasan awam.

“Saya mahu setiap jabatan dan agensi yang terlibat memberikan perhatian khusus terhadap keberkesanan pelaksanaan, kaedah pemantauan dan hasil yang dicapai. Insya-Allah, kejayaannya akan dinikmati secara bersama,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan peruntukan Pembiayaan Fiskal Ekologi (EFT) yang dirangka di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sebagai inisiatif baik untuk menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti.

Beliau merakamkan penghargaan atas peruntukan berkenaan yang menyediakan ruang dan peluang kepada kerajaan negeri, jabatan serta agensi berkaitan untuk melaksanakan usaha pemuliharaan dengan sebaik-baiknya.

Mengulas peranan pihak berkuasa tempatan (PBT), beliau berkata institusi itu merupakan antara agensi kerajaan yang paling hampir dengan kehidupan harian rakyat melalui perkhidmatan kebersihan jalan, pengurusan sampah, penyelenggaraan longkang, pemotongan rumput dan penjagaan taman awam.

Menurutnya, aspek kebersihan perlu diberikan perhatian menjelang musim tengkujuh bagi menangani masalah yang boleh berlaku akibat persekitaran tidak terurus, termasuk longkang yang tidak diselenggara dengan baik.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh memudaratkan pengguna jalan raya lain, termasuk membiarkan sampah terjatuh dari kenderaan.

Katanya, prinsip Islam menegah perbuatan yang membawa kemudaratan kepada orang lain, walaupun perkara itu berlaku tanpa niat untuk menyakiti atau membahayakan mereka.

Program berkenaan turut menyaksikan gimik perasmian serta penyerahan pokok rasmi jajahan oleh Menteri Besar Kelantan kepada semua Yang Dipertua PBT.

Turut diadakan, aktiviti simbolik penanaman pokok dan gotong-royong oleh kakitangan bagi menjaga kebersihan serta kelestarian persekitaran Kompleks Kota Darulnaim.









KESEJAHTERAAN

MDPP lupuskan 4,054 rokok elektronik

Oleh: Asri Hamat





KOTA DARULNAIM, 16 Oktober- Sebanyak 4,054 unit rokok elektronik atau vape antara 4,518 unit barang rampasan dilupuskan dan dimusnahkan oleh Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) semalam.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, selain vape, barangan lain yang turut dimusnahkan ialah 90 peralatan dan aksesori shisha, 256 unit mercun dan bunga api.

Menurutnya, majlis pemusnahan dan pelupusan itu merupakan mesej jelas mengenai keseriusan pihak MDPP dalam melaksanakan penguatkuasaan.

"Kesemua hasil rampasan ini dibuat melalui 12 kali operasi bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan negeri dan Persekutuan," katanya dalam satu hantaran di media sosial, pada Khamis.

Katanya lagi, sejak 2013, pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kelantan tidak mengeluarkan lesen khusus bagi perniagaan penjualan vape.

Jelasnya, pada 16 Disember 2015 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) turut memuktamad dan melaksanakan keputusan melarang sebarang penjualan vape melalui kawalan pelesenan oleh PBT.

"Larangan penjualan vape ini adalah selari dengan falsafah Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang menjadi asas kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 1990.

"Menurut Islam, pembangunan bukan sekadar secara fizikal, ekonomi dan infrastruktur, malah perlu melibatkan pembinaan masyarakat yang sihat dari segi jasmani, rohani, akhlak dan pemikiran," katanya.

Terdahulu, YB Hilmi yang turut menyertai majlis pelupusan berkenaan menegaskan, majlis itu turut membawa mesej bahawa Kerajaan Negeri Kelantan serius dalam usaha melindungi kesihatan rakyat, khususnya generasi muda, daripada ancaman ketagihan nikotin.

"Janganlah kerana keuntungan perniagaan hari ini, kita menggadaikan kesihatan generasi masa hadapan.

"Kita mahu melihat anak-anak Kelantan membesar dengan tubuh yang sihat, akal yang cerdas, akhlak yang terpelihara dan masa depan yang sejahtera. Inilah tuntutan pembangunan yang kita perjuangkan melalui Dasar Membangun Bersama Islam," ujarnya.

PBT perlu proaktif tangani isu kebersihan, elakkan longkang tersumbat – MB Kelantan





Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Oktober – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Kelantan perlu mengambil pendekatan lebih proaktif dalam menangani isu kebersihan dan keindahan persekitaran, khususnya bagi memastikan sistem saliran berada dalam keadaan baik menjelang musim tengkujuh.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, PBT merupakan antara institusi kerajaan yang paling hampir dengan kehidupan harian rakyat menerusi penyediaan perkhidmatan seperti pengurusan sampah, kebersihan jalan, penyelenggaraan longkang, pemotongan rumput dan penjagaan kawasan awam.

Menurutnya, usaha pembersihan perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan masalah air bertakung dan banjir genang yang boleh dikaitkan dengan longkang tersumbat.

"Lebih-lebih lagi kita sekarang ini sudah hampir dengan musim tengkujuh. Jadi, kita tengoklah longkang-longkang. Kita tak mahu dengar rungutan orang yang mengatakan air bertakung atau banjir termenung, antara puncanya longkang tersumbat.

"Jadi, kita minta buat usaha pembersihan."

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Kelantan Eco Life 2026 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut melaksanakan kerja-kerja pembersihan sungai, termasuk usaha pembersihan dan peluasan sungai seperti Sungai Meranti serta sungai-sungai lain.

Menurutnya lagi, usaha berkenaan diharap dapat melancarkan aliran air sekali gus mengurangkan risiko banjir besar.

"Kita doakan tidak berlaku banjir tahun ini. Kalau berlaku juga, kita doa supaya tidak besarlah. Harapnya begitu," katanya.

Tambahnya, dalam usaha menjaga kebersihan memerlukan dua perkara yang bergerak seiring, iaitu sistem yang baik dan sikap yang betul dalam kalangan masyarakat.

Beliau turut menekankan kepentingan pendidikan awam bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan tindakan mereka terhadap alam sekitar.

"Sampah yang dibuang ke dalam longkang boleh menyebabkan saliran tersumbat. Orang kita buang sampah dalam longkang, lebih teruk lagi dalam sungai, menyebabkan sungai jadi tidak bersih.

"Bagi mengatasi masalah Ini mungkin memerlukan kepada pendidikan awal di sekolah rendah lagi," katanya.

Mengulas tentang program Kelantan Eco Life 2026 ini, beliau berkata program ini memperlihatkan usaha pemuliharaan alam sekitar melalui aktiviti yang dekat dengan masyarakat seperti gotong-royong, penanaman pokok dan penghijauan kawasan.

Usaha seumpama itu, katanya, perlu diteruskan dan diperkasakan mengikut kesesuaian kawasan serta keperluan setempat bagi memastikan persekitaran yang bersih dan terpelihara dapat dinikmati masyarakat.

KEMAKMURAN

Kelantan ke arah pelaksanaan Akta 672, penyelarasan dengan Kerajaan Persekutuan perlu diperhalusi - YB Hilmi



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan mengambil keputusan dasar untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), namun mekanisme pelaksanaan serta penyelarasan dengan Kerajaan Persekutuan perlu diperhalusi bagi memastikan kepentingan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan rakyat terus terpelihara.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, keputusan itu selaras dengan titah Sultan Kelantan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V sempena Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda kali ke-57, baru-baru ini.

Menurut YB Hilmi, penerimaan dasar tersebut merupakan langkah penting ke arah mentransformasikan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Kelantan supaya lebih moden, cekap, bersepadu serta mampan.

Katanya, pelaksanaan penuh Akta 672 kelak dijangka membolehkan operasi pengurusan sisa pepejal diselaraskan dengan lebih sistematik, termasuk penetapan standard perkhidmatan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan.

"Antara manfaat yang diharapkan ialah peningkatan kualiti perkhidmatan kutipan sampah melalui perancangan jadual, penggunaan jentera dan pengurusan kemudahan yang lebih tersusun," katanya menerusi media sosial, pada Khamis.

Beliau menjelaskan, penyelarasan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan turut melibatkan aspek pengurusan sumber, perkongsian kepakaran dan pembangunan infrastruktur bagi memastikan pelaksanaan akta berkenaan memenuhi keperluan negeri.

Selain meningkatkan kecekapan kutipan sampah, pelaksanaan Akta 672 juga dijangka memperluas amalan kitar semula dan pengasingan sisa di punca bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan.

Menurutnya, penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan turut membolehkan tindakan diambil terhadap pihak yang membuang sampah secara tidak bertanggungjawab, sekali gus meningkatkan tahap kebersihan kawasan awam.

Dalam masa sama, penggunaan teknologi pengurusan sisa yang lebih moden dan mesra alam dapat diteroka bagi menyokong aspirasi pembangunan Kelantan yang lestari.

"Saya percaya transformasi ini mampu membantu PBT di seluruh Kelantan meningkatkan mutu perkhidmatan kebersihan awam, di samping mengurangkan tekanan kos pengurusan sisa pepejal yang semakin meningkat," katanya.

Akta 672 merupakan undang-undang Persekutuan yang bertujuan menyeragamkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui sistem kawal selia, pelesenan serta penguatkuasaan yang lebih bersepadu.

Akta berkenaan mendapat perkenan diraja pada 29 Ogos 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos tahun sama, dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) memainkan peranan utama dalam pelaksanaannya.

Sehubungan itu, penelitian terhadap mekanisme penyelarasan, pembahagian tanggungjawab dan keperluan pelaksanaan antara kedua-dua peringkat kerajaan menjadi langkah penting sebelum Akta 672 dilaksanakan sepenuhnya di Kelantan.

YB Hilmi optimis langkah tersebut dijangka membuka ruang kepada pembaharuan sistem pengurusan sisa pepejal negeri secara lebih menyeluruh tanpa mengabaikan kepentingan PBT serta keperluan perkhidmatan kebersihan awam yang berkualiti kepada rakyat.

Celik undang-undang benteng kezaliman, masyarakat bijak pertahan hak

Oleh: Irham Hilmi Hashim







KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Celik undang-undang menjadi benteng penting dalam mencegah kezaliman dan penindasan selain membolehkan masyarakat membuat keputusan secara bijaksana berlandaskan prinsip keadilan serta mempertahankan hak melalui saluran yang sah.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, kesedaran undang-undang perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat bagi memastikan setiap individu memahami hak dan tanggungjawab masing-masing.

Menurutnya, pengetahuan perundangan mampu membantu masyarakat mendapatkan pembelaan apabila berdepan pertikaian dan menjadi asas penting dalam membentuk kehidupan yang harmoni dan berteraskan keadilan.

"Islam sendiri meletakkan keadilan sebagai asas penting dalam kehidupan. Setiap individu mempunyai hak yang perlu dipelihara dan tanggungjawab yang mesti ditunaikan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan di media sosial selepas merasmikan Seminar Kesedaran Undang-Undang sempena MUSLET Outreach@Tumpat di Dewan Bunga Raya, Pantai Sri Tujoh, Tumpat, semalam.

Seminar anjuran Pertubuhan Lepasan Undang-Undang Muslimat Kelantan (MUSLET) dengan kerjasama Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tumpat itu menjadi platform meningkatkan literasi perundangan masyarakat, khususnya berkaitan hak individu dan akses kepada khidmat guaman.

Program berkenaan turut menyediakan khidmat nasihat guaman percuma, pemeriksaan kesihatan serta penglibatan beberapa agensi berkaitan bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat dan perkhidmatan secara langsung.

Dalam pada itu, Dato' Wan Roslan merakamkan penghargaan kepada MUSLET, Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tumpat serta semua pihak yang menjayakan program berkenaan atas komitmen memperluas akses masyarakat kepada pengetahuan dan khidmat perundangan.

Beliau berharap inisiatif seumpama itu dapat diteruskan bagi melahirkan masyarakat yang celik undang-undang, berupaya mempertahankan hak melalui saluran yang betul serta memahami tanggungjawab terhadap orang lain.

KESEJAHTERAAN

Pertandingan seni suara burung tekukur pelihara warisan tradisi - Datuk Kamaruddin

Oleh: Asri Hamat





KOTA DARULNAIM, 19 Oktober - Penganjuran Pertandingan Seni Suara Burung Tekukur 2026 Peringkat Kebangsaan berjaya menghimpunkan peminat seni suara burung tekukur dari seluruh negara sekali gus berperanan memelihara tradisi dan warisan masyarakat yang diwarisi sejak turun-temurun.

Demikian kata Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan, YB Datuk Kamaruddin Md Nor di media sosial, pada Ahad.

Beliau berpandangan, program seumpama itu perlu diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan warisan tradisi berkenaan kekal relevan.

"Pertandingan itu juga berpotensi menjadi tarikan pelancongan berasaskan budaya dan warisan yang dapat memperkenalkan keunikan Kelantan kepada masyarakat luar," katanya.

Terdahulu, beliau mewakili Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Dato' Hassan menyempurnakan perasmian dan penyampaian hadiah pertandingan berkenaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Pertandingan itu berlangsung di Gelanggang Suara Burung Tekukur, Pangkal Meleret, Machang, pada Sabtu.

Sebanyak 156 ekor burung tekukur mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan yang mempertandingkan tiga kategori utama, iaitu Kategori AB, Kategori C dan Kategori Remaja.

Program itu turut menghimpunkan peminat dan peserta dari Kedah, Kuala Lumpur, Terengganu serta Kelantan selaku tuan rumah.

Datuk Kamaruddin turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur, peserta serta semua pihak yang menjayakan pertandingan berkenaan.

Beliau berharap usaha bersama itu dapat terus menyemarakkan warisan tradisi selain menyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan di Kelantan.

Manusia tanggung akibat jika alam sekitar terus dicemari -YB Hilmi





Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 21 Oktober – Manusia akhirnya terpaksa menanggung akibat pencemaran sungai, kemusnahan hutan, pencemaran udara dan pembuangan sampah tidak terkawal sekiranya tanggungjawab memelihara kelestarian alam sekitar terus diabaikan.

Demikian kenyataan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah rentetan kerosakan alam sekitar yang boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem malah memberi kesan langsung terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan hidup manusia.

Menurutnya, manusia diamanahkan oleh Allah SWT untuk memelihara keseimbangan alam dan menguruskan sumber semula jadi secara bertanggungjawab demi kelangsungan kehidupan generasi kini serta akan datang.

"Apabila sungai dicemari, hutan dimusnahkan, udara dipenuhi asap dan sampah dibuang sesuka hati, akhirnya manusia sendiri akan menanggung akibatnya.

"Kita tidak boleh mengharapkan bumi untuk terus memberikan kehidupan yang baik jika kita sendiri gagal menjaganya," katanya menerusi laman media sosial, semalam.

Beliau berkata demikian susulan perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2026 Peringkat Negeri Kelantan anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan di AEON Mall, Lembah Sireh, di sini, Isnin lalu.

YB Hilmi juga menegaskan usaha menangani pencemaran alam sekitar memerlukan perubahan sikap dan budaya masyarakat secara menyeluruh kerana keberkesanan penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak memadai tanpa kesedaran serta tanggungjawab individu.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru setiap lapisan masyarakat termasuk institusi keluarga, sekolah, masjid, surau, jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), premis perniagaan dan komuniti setempat supaya memainkan peranan aktif dalam membudayakan penjagaan kebersihan persekitaran.

Menurutnya lagi, pengurusan sisa secara bertanggungjawab perlu dijadikan amalan harian menerusi pendekatan 3R, iaitu mengurangkan penggunaan (reduce), menggunakan semula (reuse) dan mengitar semula (recycle) bagi mengurangkan jumlah sisa yang dibuang.

Tambahnya , pembudayaan amalan tersebut boleh dimulakan melalui pendidikan di rumah dengan membimbing anak-anak supaya tidak membuang sampah merata-rata, memperluas aktiviti kitar semula di sekolah serta mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dalam sektor perniagaan.

Beliau berharap penglibatan semua pihak bagi memastikan usaha pemeliharaan alam sekitar tidak terhad kepada kempen kesedaran bermusim sebaliknya diterjemahkan melalui tindakan berterusan dalam kehidupan seharian.

"Kita bukan sekadar mewarisi bumi daripada generasi terdahulu, bahkan kita memikul amanah untuk menyerahkannya dalam keadaan yang lebih baik kepada generasi akan datang," ujarnya.

KEBERKATAN

Karnival Rakyat Kelantan 2026 sempena 36 tahun MBI sasar 100,000 pengunjung





Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Oktober – Karnival Rakyat Kelantan 2026 yang akan berlangsung pada 22 hingga 24 Oktober ini menyasarkan kehadiran lebih 100,000 pengunjung sempena Sambutan 36 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI).

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi selaku Pengarah Program YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, karnival yang berpusat di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu dan kawasan sekitarnya itu menyediakan pelbagai pengisian untuk seisi keluarga.

Menurutnya, penganjuran selama tiga hari itu merangkumi aktiviti ilmu, kerohanian, kebudayaan, teknologi dan kemasyarakatan bagi memberi peluang kepada rakyat menyertai program yang bermanfaat.

"Untuk malam kemuncak dan program-program yang berlangsung, kita menganggarkan jumlah kehadiran melebihi 100,000 orang yang akan memenuhi ruang stadium," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Karnival Rakyat Kelantan 2026 di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Antara pengisian yang disediakan ialah pameran teknologi dan digital, pameran agensi keselamatan melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, selain Food Fest untuk pengunjung.

Karnival itu turut menampilkan bicara santai bersama tokoh jemputan, Kuliah Maghrib Perdana bersama Ustaz Azhar Idrus, Kuliah Pagi Jumaat Perdana, Wanita Kelantan Berselawat bersama Datuk Dr. Ustazah Nur Hafizah Musa.

Pengunjung juga berpeluang menyertai solat hajat dan munajat di Stadium Sultan Muhammad IV, selain menikmati persembahan kesenian Islam oleh kumpulan The Rayhan dan UNIC

Pengisian Mmene Ore Kelate turut diketengahkan bagi mengimbau kembali kehidupan masyarakat terdahulu menerusi permainan tradisional yang pernah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat Kelantan.

Dato' Wan Roslan berkata, pelbagai pengisian itu disusun bagi membolehkan rakyat bersama-sama menikmati program yang bermanfaat, mengeratkan silaturahim dan menyemarakkan semangat kebersamaan dalam masyarakat.

Mengulas mesej utama sambutan, beliau memaklumkan, prinsip MBI terus menjadi asas pentadbiran negeri dengan Islam dijadikan panduan dalam menangani pelbagai isu, termasuk masalah sosial dan perpaduan masyarakat.

"Semua teori kita ini boleh dibuat, tetapi kita berpandukan kepada Islam. Asas Kelantan Membangun Bersama Islam ialah menjadikan Islam sebagai panduan dalam setiap pentadbiran yang kita laksanakan," jelasnya.

Menurutnya lagi, pembangunan negeri bukan hanya tertumpu kepada kemajuan fizikal, sebaliknya perlu bermula dengan pembangunan insan melalui penguasaan ilmu dan pembentukan akhlak.

Beliau berkata, pendidikan yang menitikberatkan kedua-dua aspek itu penting bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah mempunyai akhlak terpuji.

"Kalau manusia tidak dibangunkan dengan ilmu, pembangunan yang dilaksanakan tidak akan menjadi pembangunan yang holistik," ujarnya.

Sehubungan dengan itu, beliau mempersilakan seluruh rakyat Kelantan, termasuk anak-anak Kelantan di perantauan, untuk hadir memeriahkan Karnival Rakyat Kelantan 2026 yang berlangsung selama tiga hari berkenaan.

MDPP terima lori Ro-Ro tingkat keupayaan kutipan sisa pepejal

Oleh: Asri Hamat





KOTA DARULNAIM, 16 Oktober - Penyerahan kunci lori jenis Roll-On Roll-Off (Ro-Ro) kepada Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) mampu meningkatkan keupayaan operasi kutipan dan pengurusan sisa pepejal di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, penambahan aset berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan PBT.

Katanya, usaha itu khususnya bagi memastikan kawasan perbandaran, pusat perniagaan, pasar, kawasan perumahan dan tempat awam sentiasa bersih, indah serta selesa.

"Lori Ro-Ro ini akan membantu MDPP mengendalikan kutipan serta pengangkutan sisa pepejal dalam kuantiti yang besar khususnya sisa pukal dengan lebih cekap dan sistematik," katanya di media sosial, pada Khamis.

Beliau turut berharap aset baharu itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan produktiviti operasi, mempercepat urusan kutipan serta mengurangkan masalah longgokan sampah yang boleh menjejaskan keselesaan dan kesihatan masyarakat.

Terdahulu, beliau turut sama menunaikan solat hajat dan menyerahkan kunci sebuah lori Ro-Ro kepada Yang Dipertua MDPP, Kamarulzaman Abdul Wahab, bagi memperkukuh keupayaan operasi kutipan dan pengurusan sisa pepejal di kawasan pentadbiran MDPP.

KEBERKATAN

LRA Kelar II dijangka selesai masalah air di Tumpat

Oleh: Asri Hamat





KOTA DARULNAIM, 21 Oktober- Masalah gangguan bekalan air bersih di kawasan kritikal di jajahan Tumpat, khususnya Cabang Empat Tok Mek Ngah dan sekitar Bendang Pak Yong, dijangka bertambah baik apabila Loji Rawatan Air (LRA) Kelar II mula menyalurkan bekalan seawal Januari 2027.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Kelantan YB Dato' Dr Izani Husin berkata, projek LRA Kelar II dijangka siap pada hujung tahun ini, manakala penyerahan loji berkenaan dijadualkan pada Mac 2027.

Katanya, ketika ini bekalan air ke Tumpat bergantung kepada LRA Wakaf Bharu yang mempunyai kapasiti 16.37 juta liter sehari (JLH) dan LRA Kelar II dengan kapasiti 23.45 JLH.

"Bekalan sedia ada masih tidak mencukupi kira-kira 10 juta liter sehari bagi memenuhi keperluan pengguna di Cabang Empat Tok Mek Ngah dan kawasan sekitarnya. Kita mempunyai empat tangki yang tidak dapat dipenuhi disebabkan kuantiti air yang tidak mencukupi.

"Alhamdulillah, dengan siapnya LRA Kelar II, air boleh disalurkan seawal Januari 2027, manakala penyerahan loji dijadualkan pada Mac 2027," katanya di media sosial pada Isnin..

Menurutnya lagi, perkembangan projek LRA Kelar II ketika ini berjalan mengikut jadual.

Mengulas lanjut, beliau berkata, masalah paip lama dan uzur yang menghubungkan LRA Wakaf Bharu dengan tangki bekalan air di Tumpat turut menjadi antara punca gangguan bekalan.

Tambahnya, tekanan air tidak dapat ditingkatkan kerana tindakan itu boleh menyebabkan paip pecah, sekali gus memaksa pihak berkaitan mengawal tekanan air sehingga bekalan kepada pengguna menjadi tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu katanya, Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) membuat pinjaman bank berjumlah RM40 juta bagi mempercepatkan kerja-kerja penggantian paip di jajaran dari LRA Wakaf Bharu ke tangki yang membekalkan air bersih ke kawasan Tumpat.

Beliau berharap penyiapan LRA Kelar II dapat membantu mengatasi masalah gangguan bekalan air di Cabang Empat Tok Mek Ngah dan sekitar Bendang Pak Yong, selain membolehkan penggunaan LRA Wakaf Bharu dimaksimumkan.

Terdahulu, Dato' Dr. Izani bersama pasukannya mengadakan lawatan ke AKSB Jajahan Tumpat pada Isnin bagi meneliti masalah bekalan air dan mencari penyelesaian untuk meningkatkan mutu perkhidmatan air terawat kepada penduduk.

Dalam lawatan itu, isu air berbau yang dilaporkan di beberapa kawasan, khususnya di kepulauan Tumpat, turut dibangkitkan dan perkara berkenaan sedang dalam proses tindakan penyahbau bagi memastikan bekalan air yang disalurkan kepada pengguna mempunyai kualiti lebih baik.

Kelantan-UM bincang peluang, laluan pelajar lepasan YIK





Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 21 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan dan Universiti Malaya (UM) mengadakan perbincangan bagi meneroka peluang serta laluan kemasukan pelajar lepasan sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) ke institusi pengajian tinggi berkenaan, khususnya dalam bidang pengajian Islam.

Perbincangan itu berlangsung menerusi kunjungan Dekan Akademi Pengajian Islam UM, Profesor Dr Mohd Fauzi Hamat kepada Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat di pejabatnya di Mabna, semalam.

Dato' Wan Roslan berkata, pertemuan tersebut memberi tumpuan kepada usaha memperluas akses pendidikan tinggi serta mengenal pasti peluang yang boleh dimanfaatkan oleh lepasan YIK untuk melanjutkan pengajian ke universiti berkenaan.

Menurutnya, kerjasama antara kerajaan negeri, YIK dan UM berpotensi membuka lebih banyak ruang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang bersesuaian dengan kelayakan serta latar belakang pendidikan mereka.

"Kita menyambut baik perbincangan ini sebagai salah satu usaha memperluas akses pendidikan tinggi serta memberi lebih banyak peluang kepada anak-anak Kelantan untuk meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi yang berprestij," katanya menerusi media sosial selepas pertemuan berkenaan.

Beliau berkata, perbincangan itu juga menjadi langkah awal ke arah mempererat hubungan strategik antara institusi pendidikan negeri dengan UM dalam usaha menyediakan kesinambungan pendidikan kepada lepasan sekolah YIK.

Tambahnya, peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi penting bagi memastikan potensi akademik pelajar dapat terus dikembangkan, khususnya dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dan ilmuwan dalam bidang pengajian Islam.

Beliau berharap pertemuan berkenaan menjadi titik permulaan kepada kerjasama lebih erat antara Kerajaan Negeri Kelantan, YIK dan UM dalam memajukan pembangunan pendidikan negeri.

"Kerjasama berkenaan diharap dapat menyumbang kepada usaha melahirkan generasi berilmu dan berakhlak yang berupaya memberi sumbangan kepada agama, masyarakat dan negeri," ujarnya.

Turut hadir, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad serta Pengarah YIK Dato' Shamsul Abu Bakar.



Kebersihan alam sekitar perlu bermula di Kota Darulnaim – MB Kelantan

Buletin بوليتين دارالنعيم MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAWAL 1448H | 16-22 OKT 2026 URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Nasrom FC juara Liga Bola Sepak Jajahan Tumpat 2026

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 18 Oktober – Nasrom FC muncul juara Liga Bola Sepak Jajahan Tumpat 2026 selepas menewaskan Pasir Pekan FC menerusi penentuan sepakan penalti dengan keputusan 6-4 dalam perlawanan akhir merebut Piala Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor, Jumaat lalu.

Kejayaan itu diraih selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1 sehingga tamat perlawanan sebelum Nasrom FC mengungguli penentuan sepakan penalti untuk membawa pulang trofi kejuaraan dan wang tunai RM6,000.

Pasir Pekan FC pula menerima wang tunai RM5,000 sebagai naib juara kejohanan berkenaan.

Atas kejayaan berkenaan, ADN Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat mengucapkan tahniah kepada Nasrom FC dan pasukan yang bertanding. Selain



menghargai semangat juang dan persembahan yang ditampilkan Pasir Pekan FC sepanjang perlawanan.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada Nasrom FC atas kejayaan merangkul kejuaraan, manakala Pasir Pekan FC turut diberikan penghargaan atas semangat juang dan persembahan yang baik sepanjang perlawanan" katanya di laman rasmi, pada Jumaat.

Menurutnya, kejohanan berkenaan bukan sekadar medan persaingan untuk merebut kejuaraan, malah menjadi wadah mengeratkan ukhuwah, memupuk semangat kesukanan dan mencungkil bakat bola sepak dalam kalangan anak muda di jajahan Tumpat.

"Kejohanan ini bukan sekadar medan mencari juara, bahkan menjadi wadah mengeratkan ukhuwah, memupuk semangat kesukanan dan mencungkil bakat bola sepak dalam kalangan anak muda di jajahan Tumpat," ujarnya.

Perlawanan akhir tersebut turut dihadiri Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad serta ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah.

Dato' Wan Roslan turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur, penaja, pegawai pertandingan, semua pasukan serta penyokong yang memberikan komitmen bagi menjayakan kejohanan itu.

Beliau berharap penganjuran kejohanan seumpama itu dapat diteruskan bagi melahirkan generasi muda yang sihat, berdisiplin dan berakhlak mulia.

"Menang dan kalah adalah adat pertandingan, namun ukhuwah dan semangat kesukanan tetap menjadi keutamaan," katanya.

AKSB tegaskan pemotongan air ikut prosedur



Kenyataan Media AKSB 21 Oktober 2026

AKSB NAFI DAKWAAN PENGGUNA DI FACEBOOK, SEBAGAIMANA YANG TELAH TULAR PADA 20 OKTOBER 2026

Kota Bharu – Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) hari ni menafikan dakwaan seorang pengguna media sosial di Facebook nya, berkaitan sistem permohonan bekalan air, proses pemotongan yang didakwa tidak menepati prosedur dan kualiti air di premisnya.

Untuk rekod, pengguna/wakil telah datang ke Pejabat AKSB Jajahan Tanah Merah pada 18 Okt. 2026, bagi menjelaskan bil yang tertunggak selama 14 bulan (sejak Mei 2025) serta deposit yang telah ditarik balik, di mana tarikh akhir pembayaran bil yang direkod adalah pada 12 Mei 2025.

Pemotongan bekalan air dan penarikan semula deposit di premis telah dibuat 26 Julai 2026, dan kesemua rekod jumlah bil tertunggak terdapat di dalam sistem dan AKSB menepati prosedur standard sebelum membuat pemotongan bekalan di mana-mana premis pengguna.

Sebagai makluman, pendaftaran semula akaun dipotong dan selepas deposit ditarik balik, beberapa dokumen perlu disediakan semula oleh pengguna, iaitu Borang Permohonan yang siap diisi, Salinan Geran Tanah, Salinan IC Pemohon serta Gambar Premis yang ingin didaftar, dan perkara ini telah dimaklum kepada pengguna pada 19 Okt. 2026, dan lawatan tapak ke premis juga telah dibuat oleh AKSB Jajahan Tanah Merah pada hari yang sama.

Malangnya, pengguna masih lagi belum menghantar dokumen untuk pendaftaran sambungan semula sehingga kini.

Bagi dakwaan rekod panggilan aduan, AKSB telah menyemak secara terperinci nombor telefon pengadu di PINTAS Careline 15777, dan tiada rekod panggilan aduan dibuat berkaitan bekalan serta kualiti air sebelum ini.

Untuk isu kualiti air, AKSB telah ke lokasi aduan pada 21 Okt. 2026, dan mendapati tiada isu berkaitan bekalan (sumber LRA Batu Gajah) dan kualiti air di kawasan ini (gambar air bersih).

AKSB ingin menasihatkan para pengguna agar mendapatkan saluran yang betul untuk membuat sebarang aduan melalui PINTAS CARELINE 15777 dan segala aduan akan ditangani dengan segera.

-TAMAT -

JABATAN KORPORAT
AKSB

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Oktober - Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Korporat semalam menegaskan pemotongan perkhidmatan bekalan air di premis adalah mengikut prosedur.

Kenyataan tersebut sekali gus menafikan dakwaan seorang pengguna di media sosial berkaitan sistem permohonan bekalan air, proses pemotongan bekalan yang didakwa tidak mengikut prosedur serta isu kualiti air di premisnya.

Kenyataan tersebut juga menyatakan pengguna (pendakwa) atau wakilnya hadir ke pejabat AKSB Jajahan Tanah Merah pada 18 Oktober 2026 bagi menjelaskan bil tertunggak selama 14 bulan sejak Mei 2025 serta deposit yang telah ditarik balik.

"Bayaran terakhir yang direkodkan bagi akaun berkenaan adalah pada 12 Mei 2025," kata pihak AKSB.

AKSB memaklumkan pemotongan bekalan air dan penarikan balik deposit di premis terbabit dilakukan pada 26 Julai 2026.

Menurut kenyataan itu, semua rekod bil tertunggak tersedia dalam sistem dan pihaknya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sebelum melaksanakan pemotongan bekalan air di mana-mana premis pengguna.

Jelas AKSB lagi, bagi pendaftaran semula akaun yang telah dipotong selepas deposit ditarik balik di mana pengguna perlu mengemukakan beberapa dokumen, termasuk borang permohonan yang lengkap diisi, salinan geran tanah, salinan kad pengenalan pemohon dan gambar premis yang ingin didaftarkan.

AKSB berkata, keperluan berkenaan telah dimaklumkan kepada pengguna (pendakwa) pada 19 Oktober lalu, manakala lawatan tapak ke premis turut dilakukan oleh pihak AKSB Jajahan Tanah Merah pada hari sama.

"Walau bagaimanapun, pengguna masih belum mengemukakan dokumen bagi permohonan menyambung semula bekalan air sehingga kenyataan media dikeluarkan," ujar pihak AKSB.

Berhubung dakwaan rekod panggilan aduan, AKSB memaklumkan pihaknya telah membuat semakan terperinci terhadap nombor telefon pengadu dalam sistem PINTAS Careline 15777, namun tiada rekod panggilan aduan berkaitan bekalan dan kualiti air sebelum ini ditemukan.

Bagi menyiasat isu kualiti air yang dibangkitkan, AKSB turut melakukan lawatan ke lokasi aduan pada 21 Oktober 2026 dan mendapati tiada isu berkaitan bekalan air serta kualiti air di kawasan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, AKSB menasihatkan pengguna supaya menggunakan saluran yang betul untuk mengemukakan sebarang aduan melalui PINTAS Careline 15777 bagi membolehkan setiap aduan ditangani dengan segera.